

*Siri Lambaian Nusa*

# Pulau Pinang

Asmad



*Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.*

**Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.**  
3B, Jalan Air Leleh,  
75050 Melaka, Malaysia.

© Asmad  
Terbitan Pertama ..... Disember, 1987.

ISBN 967-948-142-5 (Siri)  
ISBN 967-948-147-6

11  
PRINTED IN  
ASIA

471680

APB

**HAKCIPTA TERPELIHARA.** Tiada bahagian buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, ditukar ke dalam apa bentuk sekali-pun, samada secara letron, sawat, rakaman, gambar atau sebagainya tanpa terlebih dahulu meminta kebenaran daripada Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.

Dicetak oleh Polygraphic Press Sdn. Bhd., Cheras, Selangor.

- 7 SEP 1988

Perpustakaan Negara  
Malaysia

## KATA-KATA ALUAN

---

Mengenali negara sendiri dapat memupuk perasaan cintakan negara dan menimbulkan rasa bangga menjadi warganegaranya. Itulah matlamat yang ingin dicapai dalam usaha penulisan **Siri Lambaian Nusa** ini.

Siri ini lebih merupakan bahan bacaan tambahan bagi murid peringkat sekolah rendah atas dan pelajar sekolah menengah. Isinya yang padat, memberikan keterangan ringkas mengenai bentuk fizikal, ekonomi, sejarah dan kebudayaan setiap negeri di Malaysia. Keistimewaan siri ini ialah kerana isinya meliputi juga keterangan mengenai tempat-tempat bersejarah dan menarik yang boleh dilawati dan ciri-ciri seni budaya yang terdapat di setiap negeri yang dibicarakan. Semuanya ini disampaikan dengan gaya bahasa yang menarik dan mudah difahami.

**Siri Lambaian Nusa** ini pasti dapat menolong generasi muda untuk mengenali negeri-negeri dan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ini secara lebih dekat. Penulisnya, ASMAD, yang sepanjang hidupnya telah mengabdikan diri kepada sejarah dan kebudayaan bangsa, menggunakan pengalamannya sebagai guru dan penulis dengan berkesan dalam menyusun siri ini.

Kenalilah Malaysia,

Cintailah Malaysia.

Ismail Hussein

Prof. Datuk Ismail Hussein  
(Ketua Satu Gapena)

## BAHAWA

MALAYSIA mengandungi tiga belas buah negeri dan dua wilayah yang dinamakan Wilayah Persekutuan. Setiap satunya mempunyai sejarah, alam dan pentadbirannya, keindahan, ciri-ciri budaya dan kesan-kesan sejarahnya sendiri, dalam lingkungan Negara Malaysia.

Lambaian Nusa memaparkan maklumat-maklumat terpenting mengenai aspek-aspek tersebut bagi setiap negeri dan wilayah serta termasuk juga tentang Malaysia sebagai sebuah negara.


Semua maklumat telah saya kumpul sejak awal tahun enam puluhan. Dalam beberapa aspek merupakan hasil pengalaman serta penglibatan dan tinjauan saya dari sebelum perang dunia kedua yang lampau hingga kini.

Maklumat-maklumat terbaru dan semasa saya dapat daripada pembacaan serta kunjungan saya ke tempat-tempat yang berkenaan.

Kekurangan dan kelemahannya pasti terdapat di dalam buku ini kerana kemampuan saya sendiri adalah terbatas. Mudah-mudahan buku ini memberikan munafa'at kepada pembaca umumnya, terutama kepada putera-puteri Malaysia yang tercinta.


Selamat membaca.

Wassalam,

  
(ASMAD)

## **KANDUNGAN**


<i>Pengenalan</i>	
1. Pulau Pinang	5
2. Lintasan Sejarah	9
3. Alam dan Pentadbiran	23
4. Keindahan Pulau Pinang	33
5. Ciri-ciri Budaya	58
6. Kesan-kesan Sejarah	76
<b>RUJUKAN</b>	



---

## *BENDERA NEGERI PULAU PINANG*

---



Warna Biru Muda maksudnya warna laut yang indah di sekeliling pulau itu; warna putih maksudnya Negeri Pulau Pinang yang aman damai; warna kuning tanda kemakmuran; pohon Pinang ialah pohon dari mana pulau itu mendapat namanya.

---

## *LAMBANG NEGERI PULAU PINANG*

---



Pohon Pinang ialah tanda asal nama Pulau itu. Petak yang berwarna Kuning mengandungi gambar Jambatan Besar Pulau Pinang yang mempunyai dua (2) Tiang dan empat (4) Kebel yang menegakkan tiang tersebut. Dua (2) Tiang ini melambangkan Serampang Dua Mata di dalam Dasar Ekonomi Baru iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Empat (4) Kebel pula menggambarkan empat (4) jenis Keturunan rakyat di Negeri ini, iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain.

Jalur-jalur Biru dan Putih yang menjadi simbol lautan berjumlah lima (5) tiap-tiap satu warna yang memberi makna simbol Lima Prinsip Rukunegara dan Lima Daerah pentadbiran yang terdapat di Pulau Pinang.

---


## *LAGU KEBESARAN NEGERI PULAU PINANG*

---

### *UNTUK NEGERI KITA*

Selamat Tuhan kurniakan  
Selamat Pulau Pinang  
Negeriku yang mulia  
Ku taat dan setia  
Aman dan bahagia  
Majulah jayalah  
Negeri ku yang ku cinta  
Bersatu dan bersama  
Untuk Negeri kita.

PETA NEGERI PULAU PINANG



---

## I. Pulau Pinang

---

DI LUAR negeri terutama di Barat, Pulau Pinang dikenali dengan sebutan Penang, sebutannya mengikut telor orang Inggeris iaitu *Penang*. Sebelum Tanah Melayu merdeka masyarakat umum antarabangsa di luar rantau ini lebih mengenali Pulau Pinang daripada mengenali Tanah Melayu. Masa demi masa anggapan dan pandangan itu kian berubah.

Para pelancong dari luar negeri memberi gelaran kepada Pulau Pinang sebagai *Pulau Mutiara Timur*, dalam bahasa Inggeris disebut *Pearl of the Orient*. Gelaran ini telah lama diberi kepada pulau indah ini. Memang, satu-satunya yang menjadi tarikan kepada para pelancong luar negeri datang ke pulau ini adalah kerana keindahan alam semula jadinya. Dengan demikian ia telah menjadi amat terkenal sebagai tempat peranginan yang terbaik dan terkemuka di rantau Asia Tenggara. Keindahan alam Pulau Pinang mengatasi pulau-pulau lain di Malaysia bahkan di dunia Timur.

Antara tempat yang paling terkenal di pulau ini sejak 50 tahun dahulu ialah Bukit Bendera dan Feri Pulau Pinang. Bukit Bendera terkenal dengan keretapi elektrik, ada juga orang yang menamakannya sebagai keretapi bukit. Kawasan di kawasan puncak bukit ini merupakan salah satu tempat peranginan di tanah tinggi yang sungguh indah serta menyegarkan. Ia mengatasi tempat peranginan di atas bukit yang lain di Malaysia kerana kedudukannya di sebuah pulau.

Sebelum Jambatan Pulau Pinang dibina, Feri Pulau Pinang merupakan satu-satunya jalan untuk menyeberang ke Pulau Pinang dari tanah besar dan sebaliknya.

Jambatan Pulau Pinang dibuka dengan rasminya pada 14 September 1985. Ia memberikan imej baru kepada pulau ini dan menarik keinginan orang ramai dari luar negeri ini mengunjunginya. Bagaimanapun perkhidmatan feri masih diadakan seperti biasa kerana feri amat perlu bagi kemudahan oran ramai yang tidak mempunyai kenderaan sendiri ke pusat bandar negeri ini. Masih banyak lagi kenderaan bermotor menggunakan perkhidmatan feri.

Kelebihan dan keutamaan Pulau Pinang adalah kerana keadaan semula jadi pelabuhannya iaitu Pelabuhan Pulau Pinang. Ia dianggap sebagai salah satu pelabuhan yang terbaik di rantau ini. Kawasan pelabuhannya sentiasa tenang kerana terlindung daripada tiupan Angin Monsun. Pelabuhan ini amat penting bagi Malaysia. Ia berfungsi sebagai pusat tumpuan penghantaran hasil-hasil dagangan di bahagian utara Semenanjung Malaysia ke luar negeri dan sebaliknya.

Lapangan Terbang Bayan lepas adalah salah satu lapangan terbang bertaraf antarabangsa di Malaysia. Ia juga merupakan pintu masuk utama di bahagian utara Malaysia melalui udara. Lapangan terbang lain yang menjadi pintu masuk ke Malaysia ialah Lapangan Terbang Subang di Kuala Lumpur, Lapangan Terbang Senai di Johor Bahru, Lapangan Terbang Kinabalu di Sabah dan Lapangan Terbang Kuching di Sarawak.

Satu lagi tempat di Pulau Pinang yang sering disebut-sebut orang terutama penduduk Semenanjung ialah Pulau Jerjak. Sejak lama dahulu pulau ini menjadi tempat khusus dengan peranannya yang tertentu. Sebelum Pulau Pinang dibuka menjadi sebuah bandar utama, pulau ini dikatakan sebagai tempat sarang lanun di bahagian utara Selat Melaka. Selepas itu ia dikenali sebagai tempat pengasingan bagi pesakit-pesakit kusta. Kemudian daripada itu ia dijadikan tempat

tahanan penjenayah dan pada masa ini ia dikenali sebagai pusat tahanan pemulihan penagih-penagih dadah.

Pembangunan negeri Pulau Pinang yang begitu pesat dan luar biasa, menjadikan pulau ini bukan lagi sebuah pulau. Pulau seluas lebih kurang 170 kilometer persegi itu telah disambungkan terus oleh jambatan yang panjang dan indah itu dengan kawasan Seberang Prai di tanah besar Semenanjung, yang luasnya kira-kira 280 kilometer persegi. Kalau mahu, kita tidak perlu menaiki feri atau bot untuk pergi ke Pulau Pinang.

Seberang Prai adalah bahagian terbesar bagi negeri Pulau Pinang. Kadang-kadang ia seolah-olah dilupakan orang apabila menyebut negeri ini dan biasanya orang akan menyebut Pulau Pinang dan Seberang Prai. Bandar Prai atau Butterworth yang terletak di pinggir pantai menjadi pangkalan penting bagi menaiki feri yang sentiasa berulang-alik diantara dua kawasan ini.

Sejak beberapa tahun yang lalu Pulau Pinang terkenal dengan pesta tahunannya iaitu Pesta Pulau Pinang. Pesta ini merupakan suatu perayaan yang sungguh meriah. Berbagai-bagi jenis hiburan dan kesenian serta permainan diadakan di samping pameran hasil-hasil perdagangan. Ia diadakan di sepanjang bulan Disember. Pesta ini dapat menarik minat para pelancong dari dalam dan luar negeri untuk mengunjungi pulau ini.

Sesungguhnya Pulau Pinang adalah negeri pelancongan dan perdagangan. Di sepanjang pesta tahunannya itu kita dapat menyaksikan pelbagai jenis pameran serta jualan barang-barang dagangan, pertunjukan dan pertandingan berbagai-bagi jenis permainan, persembahan aneka bentuk kesenian dan sebagainya. Pada hari-hari biasa para pengunjung dapat pula mengunjungi tempat-tempat membeli-belah, berjalan-jalan ke tempat yang menarik dengan selesa atau berehat-rehat di tempat-tempat peranginan di tepi pantai yang terdapat di sekitar pulau ini.

Mengelilingi Pulau Pinang melalui jalan raya merupakan suatu perjalanan yang amat menarik. Di sepanjang jalan raya kita akan dapat melihat keadaan dan suasana tempatan yang kelihatan berubah dari semasa ke semasa. Selain daripada menempuh bukit-bukau dan jalan yang mendatar, dapat pula disaksikan perkampungan-perkampungan penduduk yang masih dalam bentuk tradisi yang menjadi sebahagian daripada cara hidup penduduk negeri ini. Bagaimanapun ada juga yang telah berubah wajah, sesuai dengan corak perubahan dan mengikut arus pembangunan.

Antara tempat-tempat yang menarik di sekitar negeri ini, selain daripada Bukit Bendera ialah Batu Ferringgi, Ampangan Air Itam, Taman Botanical, Kuil Ular, Tanjung Tokong, Tanjung Bunga, Teluk Bahang dan Gelugur. Di Teluk Bahang terdapat Muzium Perhutanan dan Taman Rama-rama. Di Gelugur kita dapat menyaksikan Akuarium Tunku Abdul Rahman iaitu suatu tempat pameran pemeliharaan pelbagai jenis ikan air tawar dan ikan air laut.

Selain daripada kenderaan bermotor seperti bas, teksi dan lain-lain, Pulau Pinang terkenal dengan beca. Ia masih menjadi kenderaan awam yang digemari oleh para pelancong. Dengan menaiki beca kita lebih mudah pergi ke sesuatu tempat. Pengayuh-pengayuh beca amat arif segala jurusan dan selok-belok serta tempat-tempat yang hendak dituju di kawasan bandaraya Pulau Pinang. Kebanyakan daripada mereka pandai pula menceritakan kisah-kisah di sekitar bandaraya ini yang tidak tersiar di akhbar-akhbar atau tertulis buku-buku.

Pulau Pinang, negeri yang telah berusia melampaui dua abad ini, sekarang telah menjadi sebuah negeri yang maju, terutama di bidang perindustrian dan pelancongan. Bandar Pulau Pinang merupakan salah sebuah bandar perdagangan yang penting di Malaysia. Rakyat dan penduduk Pulau Pinang khususnya, rakyat Malaysia umumnya harus berasa bangga terhadap kejayaan yang telah dicapai oleh Pulau Mutiara Timur ini. Pulau Pinang menjadi kemegahan bangsa dan negara kita Malaysia yang tercinta.

---

## *II. Lintasan Sejarah*

---

Sejarah awal bumi Pulau Pinang adalah sebahagian dari pada sejarah negeri Kedah kerana sesungguhnya asal-usul pulau kecil ini adalah hak mutlak negeri dan kerajaan Kedah. Bagaimanapun, sebelum tahun 1786 pulau ini belum dibuka untuk dijadikan suatu daerah negeri Kedah. Ia hanya merupakan sebuah pulau yang didiami oleh sebilangan kecil orang Melayu yang membuat tempat kediaman dan mencari rezeki dengan bertani atau menangkap ikan.

Orang Barat yang pertama sampai ke pulau ini ialah suatu kumpulan orang Inggeris yang diketuai oleh James Lancaster. Mereka mendarat ke pulau ini dalam bulan Jun 1592. Seramai 25 orang anak kapal yang diketuai oleh James Lancaster itu termasuk seorang saudagar telah mati dan dikebumikan di pulau ini.

Ketika Kapten Francis Light sampai ke Pulau Pinng pada tahun 1786, telah ada orang-orang Melayu tinggal di pulau ini. Mereka merupakan penduduk tetap dan membuka kampung halaman di suatu kawasan. Pada masa ini kawasan itu dikenali sebagai kampung dan perkuburan Datuk Keramat, terletak di selatan Sungai Pinang. Nama kampung tersebut diambil daripada nama seorang yang dipanggil sebagai Datuk Keramat. Beliau meninggal dunia dan dikebumikan di situ. Hingga sekarang masih ada orang yang datang ke kubur Datuk Keramat itu dengan tujuan yang tertentu.

Dalam catatan buku pendaftaran tanah Pulau Pinang tahun 1795 menyebutkan sedikit tentang kubur Datuk Keramat itu. Dinyatakan juga bahawa kampung tersebut telah didiami oleh orang-orang Melayu pada tahun 1705.

Seorang lagi orang Melayu yang terkenal yang mendiami Pulau Pinang sebelum kedatangan Kapten Light ialah orang yang bernama Maharaja Setia.

Catatan-catatan yang lain menyebutkan juga bahawa sebelum Kapten Light membuka Pulau Pinang telah ada kawasan tanah seluas 1200 ekar yang telah dibuka dan diduduki oleh orang-orang Melayu. Dari cerita mulut orang Melayu, ada menyebutkan suatu ungkapan yang berbunyi, '*Zaman Datuk Nador berkajang kain*'. Daripada catatan sejarah dan cerita-cerita maka dapatlah dipastikan bahawa Pulau Pinang telah pernah dirintis oleh orang-orang Melayu sebagai tempat kediaman. Besar kemungkinannya mereka itu adalah terdiri daripada rakyat negeri Kedah pada masa lampau.

Kedatangan Kapten Light ke pulau ini bukanlah suatu kebetulan. Sebenarnya sejak tahun 1685 lagi Kompeni Inggeris Hindia Timur telah berusaha mencari suatu tempat yang baik dan sesuai di sekitar Selat Melaka untuk dijadikan pelabuhan mereka. Pada tahun 1771 Kapten Light menjalankan perniagaan di Kedah dan beliau telah dapat berkenalan dengan sultan Kedah pada masa itu. Kesempatan yang baik itu telah digunakan oleh beliau untuk menyatakan hasrat dan cita-citanya mencari tempat yang sesuai dan baik di negeri Kedah untuk mendirikan tempat perniagaan kompeni Inggeris. Kapten Light berjanji, jika tempat yang dikehendaki-nya itu diizinkan oleh sultan, kompeni Inggeris akan menolong Kedah apabila diserang oleh musuh.

Pada mulanya cadangan Kapten Light tidak dipersetujui oleh pihak kompeni Inggeris di India. Bagaimanapun seorang pegawai Kompeni Inggeris Hindia Timur yang berada di India telah dihantar untuk membincangkan perkara yang dicadangkan oleh Kapten Light itu. Selepas itu perundingan di antara sultan Kedah dengan pihak kompeni Inggeris tidak mendarangkan sebarang hasil. Sultan Kedah menolak permintaan pihak kompeni Inggeris kerana pihak kompeni tidak sanggup memenuhi permintaan sultan iaitu memberi per-

tolongan askar bagi membantu Kedah menentang musuh-musuhnya pada masa itu.

Usaha Kapten Light kali keduanya untuk mendapatkan persetujuan sultan Kedah membenarkan kompeni Inggeris menduduki Pulau Pinang serta mendirikan loji di situ mencapai kajayaan. Pihak Kompeni Inggeris Hindia Timur melantik Kapten Light sebagai ketua bagi membuka Pulau Pinang. Angkatan kompeni Inggeris yang telah membuat perjanjian dengan sultan Kedah adalah seramai 130 orang askar, 15 orang pasukan meriam dan lima orang pegawai perang.

Suatu kelemahan yang terdapat dalam perjanjian itu ialah tidak dinyatakan dengan jelas tentang janji Kapten Light dengan sultan iaitu kompeni Inggeris akan menolong Kedah menentang musuh-musuh yang menyerang negeri itu. Kapten Light hanya menyatakan dengan mulut sahaja iaitu beliau akan menyampaikan permintaan sultan itu kepada kompeni Inggeris di London. Ringkasan isi perjanjian di antara kedua pihak menyebutkan:

- (1) Kompeni Inggeris menjaga laut dan musuh-musuh sultan Kedah dan perbelanjaan mengenainya ditanggung oleh kompeni Inggeris. Pihak kompeni sentiasa menyediakan sebuah kapal perang bagi menjaga pantai Pulau Pinang dan pantai-pantai negeri Kedah yang berhampiran dengan Pulau Pinang.
- (2) Semua kapal dan tongkang yang datang ke pelabuhan Kedah tidak boleh diganggu oleh kompeni Inggeris dan mereka bebas berniaga dengan pihak sultan Kedah atau kompeni Inggeris.
- (3) Kerana membatalkan suatu larangan yang telah sedia ada, pihak kompeni Inggeris membayar 30,000 ringgit Sepanyol kepada sultan Kedah pada tiap-tiap tahun.
- (4) Sebarang keuntungan yang diberi oleh kompeni Inggeris kepada keluarga sultan dan menteri-menteri-nya tidak boleh dituntut balik.

- (5) Semua musuh negeri Kedah adalah menjadi musuh kompeni.
- (6) Sultan Kedah berhak meminta pertolongan askar dan senjata daripada kompeni Inggeris jika Kedah dilanggar musuh. Syarat-syarat ini akan disampaikan kepada Kompeni Inggeris Hindia Timur di India. Setelah disahkan baharulah bantuan yang diminta itu diberi.

Kapten Light sampai di Pulau Pinang selepas menandatangani perjanjian itu pada 17 Julai 1786. Tempat beliau mendarat ialah di suatu kawasan bernama Tanjung Penaga. Tempat tersebut dijadikan bandar dan sampai sekarang orang Melayu memanggil tempat bersejarah itu dengan nama *Tanjung*.

Pada 10 Ogos 1786 dua buah kapal kompeni Inggeris yang bernama *Valentine* dan *Vansittart* berlabuh di Pulau Pinang. Esoknya pada 11 Ogos Kapten Light mengadakan istiadat kehormatan menaikkan bendera Union Jack dan nama Pulau Pinang diberi nama baru iaitu *Pulau Prince of Wales*. Nama ini diambil kerana menghormati hari jadi Prince of Wales yang jatuhnya pada hari berikutnya. Bandar yang dibuka itu dinamakan Georgetown. Nama ini dipilih oleh Kapten Light sendiri kerana memberi kehormatan kepada Raja England pada masa itu iaitu King George III.

Mulai saat bersejarah itu Pulau Pinang menjadi jajahan kompeni Inggeris, di bawah perintah Gabenor Jeneral di Bengal, India. Dari semasa ke semasa pulau ini bertambah maju. Dalam masa tiga tahun sahaja penduduk Pulau Pinang telah meningkat jumlahnya kira-kira 10,000 orang.

Sebenarnya pihak Kompeni Inggeris Hindia Timur tidak pernah memenuhi janji yang telah ditandatangani dalam surat perjanjian di antara kompeni itu dengan sultan Kedah. Wang yang ditentukan sebagai sewa kompeni Inggeris menduduki Pulau Pinang tidak pernah dibayar dengan betul sebagaimana yang dijanjikan. Sebaliknya dengan berbagai

tipu helah yang sengaja diada-adakan Kapten Light telah membayar kepada sultan Kedah dengan jumlah wang yang tidak menentu, bahkan tidak pula tetap masa bayarannya, hanya mengikut apa yang ditentukan olehnya sendiri.

Pembohongan dan penipuan yang paling ketara ialah sikap pihak kompeni Inggeris enggan membantu Kedah yang sedang menghadapi serangan Siam. Perbuatan curang itu seperti dirancang atau disengajakan oleh pihak kompeni Inggeris dengan tujuan supaya Siam dapat menakluki Kedah. Setelah beberapa kali diserang oleh Siam akhirnya Kedah terpaksa tunduk kepada Siam. Sikap tidak jujur dan khianat yang dilakukan oleh pihak kompeni Inggeris itu menimbulkan kemurkaan sultan Kedah.

Melihatkan sikap dan perbuatan pihak kompeni Inggeris yang nyata curang dan tidak jujur itu, pada tahun 1790 sultan Kedah bertekad hendak menghalau kompeni Inggeris dari Pulau Pinang. Rancangan itu dibatalkan kerana Kapten Light berjaya memujuk sultan dengan memberi wang sebanyak 10,000 ringgit berserta dengan janji akan mengirim surat kepada Gabenor Jeneral di Culcutta untuk memenuhi permintaan sultan Kedah.

Kesabaran sultan bukan sahaja dianggap suatu kelemahan, bahkan seperti telah diatur demikian oleh Kapten Light. Beliau bukan sahaja telah berbohong kepada sultan bahkan juga mengatur rancangan yang teratur serta memperkuatkan pertahanannya untuk menghadapi serangan Kedah apabila sampai masanya. Janji Kapten Light kepada sultan tidak pernah ditunaikan olehnya. Perbuatan itu adalah suatu muslihat yang amat curang dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan yang lebih besar.

Pembohongan dan kecurangan pihak kompeni Inggeris yang berulang-ulang kali itu pastilah menimbulkan kemurkaan yang amat sangat kepada sultan Kedah. Baginda telah membulatkan tekad untuk bertindak terhadap kompeni Inggeris. Pada awal tahun 1719 baginda telah melengkapkan angkatan perang untuk menyerang kompeni Inggeris di Pulau

Pinang. Pujukan Kapten Light dengan memberi wang sebanyak 5,000 ringgit lagi telah ditolak oleh sultan. Tetapi sebenarnya Kapten Light telah bersedia menghadapi serangan itu. Dalam perperangan nekad itu angkatan perang Kedah dapat dikalahkan oleh angkatan perang kompeni Inggeris. Akhirnya diadakan perdamaian. Sebenarnya inilah yang dirancang serta diharapkan oleh pihak Inggeris sejak mereka dapat bertapak di Pulau Pinang.

Pada 1 Mei 1791 diperbuatlah suatu perjanjian di antara Kedah dengan kompeni Inggeris di Pulau Pinang. Mulai saat yang menyediakan itu maka terserahlah langsung Pulau Pinang kepada Kompeni Inggeris Hindia Timur. Antara isi-isi perjanjian bersejarah itu kompeni Inggeris perlu membayar tiap-tiap tahun kepada sultan Kedah sebanyak 6,000 ringgit. Serangkap pantun sejarah mengenai Pulau Pinang berbunyi:

Pulau Pinang bandar baharu  
Kapten Light menjadi raja  
Kalau dikenang zaman yang lalu  
Air mata jatuh ke riba.

Kapten Light meninggal dunia dalam tahun 1794. Pegawai kompeni Inggeris yang menggantikan Kapten Light ialah Philip Manington, kemudiannya F.R. MacDonald, selepas itu ialah orang yang bernama Counter. Ketiga-tiganya termasuk mendiang Kapten Light masih bertaraf di bawah gabenor. Orang yang mula-mula memegang jawatan Naib Gabenor Pulau Pinang ialah Sir George Leith. Seorang lagi yang menjadi Naib Gabenor Pulau Pinang selepas Leith ialah Robert Farquhar. Beliau memegang jawatan itu sehingga tahun 1805 iaitu apabila negeri ini ditukar menjadi jajahan yang digelar *Presidency*.

Mulai tahun 1805 gelaran ketua pemerintah Pulau Pinang bertaraf gabenor. Orang yang mula-mula menjadi Gabenor Pulau Pinang ialah Philip Dundas. Pada masa inilah ramai pegawai Inggeris dihantar berkhidmat di negeri ini dan yang menjadi Penolong Setiausaha Pemerintahan Pulau Pinang



*Patung Francis Light*

ialah Raffles. Orang-orang Inggeris lain yang pernah menjadi Gabenor Pulau Pinang ialah Colonel MacAlister, Bruse, Seaton, Petrie, Colonel Bannerman dan W.E. Philips. Setelah pentadbiran Negeri-negeri Selat dipindahkan ke Singapura, negeri Pulau Pinang ditadbirkan oleh seorang ketua bergelar *Resident Counsillor*.

Pada tahun 1823 perniagaan Pulau Pinang mulai jatuh. Keadaan ini berlaku kerana keadaan Selat Melaka pada ketika itu tidak begitu aman disebabkan gangguan perompak-perompak di perairan selat itu. Sebab-sebab yang lain adalah kerana kedudukan Pulau Pinang jauh di hujung barat Gugusan Pulau-pulau Melayu. Di samping itu terdapat pula dua buah pelabuhan yang menjadi saingan iaitu Melaka dan Riau di selatan Selat Melaka. Satu lagi sebab yang paling besar ialah kerana wujudnya pelabuhan baru di selatan Tanah Melayu iaitu Pelabuhan Singapura yang mula dibuka oleh Raffles pada tahun 1819.

Dalam tahun 1826 Singapura dan Melaka disatukan menjadi daerah kepada Pulau Pinang. Ketiga-tiga negeri itu digabungkan menjadi jajahan Syarikat Kompeni Inggeris Hindia Timur di Tanah Melayu yang biasa disebut dengan nama *Negeri-negeri Selat*. Negeri-negeri ini di bawah tadbir seorang gabenor di Pulau Pinang. Namun demikian Pulau Pinang tidak juga maju sebagaimana yang diharapkan. Pada tahun 1832 pentadbiran Negeri-negeri Selat dipindahkan ke Singapura.

Pada tahun 1858 iaitu ketika Syarikat Inggeris Hindia Timur menyerahkan kuasanya kepada kerajaan Inggeris dan Negeri-negeri Selat turut diserahkan kepada kerajaan Inggeris. Pentadbiran Negeri-negeri Selat diletakkan di bawah tadbir kerajaan Inggeris di India. Kemudian pada tahun 1867 pemerintahan Negeri-negeri Selat diserahkan terus kepada kerajaan Inggeris di England. Mulai saat itu Pulau Pinang bersama-sama Melaka dan Singapura telah menjadi kepunyaan kerajaan Inggeris secara langsung.

Dalam Perang Dunia Pertama (1914 — 1918) kapal perang Jerman bernama *Emden* telah sampai ke Pulau Pinang. Kapal perang itu memburu serta membincaskan kapal-kapal laut musuhnya di sebelah Timur ini. Pada 28 Oktober 1914 kapal Emden telah menembak serta menenggelamkan dua buah kapal perang yang sedang berlabuh di Pelabuhan Pulau Pinang iaitu kapal perang Rusia *Zemchug* dan kapal selam Perancis bernama *Mousquet*.

Seberang Prai iaitu sebahagian daripada tanah negeri Kedah yang bertentangan dengan Pulau Pinang terserah ke tangan Inggeris pada 6 Jun 1800 iaitu selepas sembilan tahun sultan Kedah berdamai dengan kompeni Inggeris di Pulau Pinang. Peristiwa ini berlaku ketika Sir George Leith menjadi Penolong Gabenor Pulau Pinang. Beliau telah membuat perhubungan dengan sultan Kedah bagi mendapatkan kawasan tanah yang sangat diidam-idamkan oleh kompeni Inggeris pada masa itu. Kawasan tanah Seberang Prai amat penting bagi kepentingan ekonomi Pulau Pinang dan keselamatan negeri itu sendiri.

Menurut perjanjian yang dibuat oleh kedua belah pihak, sultan Kedah menyerahkan Seberang Prai kepada kompeni Inggeris untuk selama-lamanya. Antara isi perjanjian yang berat sebalah itu, kompeni Inggeris akan membayar sebanyak 10,000 ringgit kepada sultan Kedah pada tiap-tiap tahun selagi ada orang Inggeris menduduki Pulau Pinang dan Seberang Prai. Di samping itu kompeni Inggeris tidak akan memberi perlindungan kepada musuh negeri Kedah dan kompeni Inggeris hendaklah menjaga pantai negeri itu daripada serangan musuh dan penyamun dan juga perompak-perompak yang datang menyerang dari laut.

Pada mulanya kawasan Seberang Prai yang diserahkan kepada kompeni Inggeris ialah kawasan tanah yang bertentangan dengan Pulau Pinang iaitu dari Kuala Muda hingga ke Kuala Krian. Lebarnya dari tepi laut masuk ke darat kira-kira 60 relong yakni lebih kurang 4,800 ela. Kawasan tersebut diberi nama Province Wellesley iaitu mengambil

nama Ather Wellesley (Duke of Wellington), panglima perang Inggeris yang mengalahkan Napolieon dalam tahun 1815.

Tindakan kompeni Inggeris tidak setakat itu sahaja. Dengan menggunakan perbuatan curangnya kompeni Inggeris mengambil kesempatan membuat suatu perjanjian dengan kerajaan Siam pula. Pada masa itu kuasa Siam amat kuat ke atas negeri Kedah. Keadaan itu menjadikan Kedah terpaksa tunduk kepada kuasa Siam. Dalam perjanjian di antara Inggeris dengan Siam telah ditentukan bahawa keluasan tanah Seberang Prai yang telah dimiliki oleh kompeni Inggeris mestilah ditambah sekali ganda lagi.

Dengan perjanjian yang berunsur paksa dan curang itu kawasan tanah Seberang Prai bertambah luas. Sempadannya ialah di sebelah barat berperenggangan laut Selat Melaka, sebelah utara kanan (kiri mudik) Sungai Muda, sebelah timur suatu garis lurus dari suatu tempat di tebing kanan Sungai Muda, bertentangan dengan tiang batu sempadan yang ada pada masa itu di Sematul, sampai suatu tempat di hujung timur banjaran Bukit Mertajam. Dari situ ikut sepanjang-pjang Bukit Pancor hingga sampai ke tiang batu sempadan yang di tebing kanan Sungai Krian, kira-kira 400 ela ke timur Bukit Tunggal.

Dalam perjanjian itu juga ditentukan bahawa kerajaan Inggeris berjanji akan membayar kepada sultan Kedah sebanyak 10,000 ringgit setiap tahun selagi kerajaan Inggeris memerintah Pulau Pinang dan Seberang Prai.

Dalam perjanjian di antara kerajaan Perak dengan kerajaan Inggeris di Pulau Pinang, yang dikenal sebagai *Perjanjian Pangkor*, kerajaan Perak telah memberikan kepada kerajaan Inggeris kuasa tanah ke sebelah selatan Sungai Krian seluas 25 batu persegi dimasukkan ke dalam kawasan tanah Seberang Prai. Dengan itu kawasan tanah Seberang Prai menjadi 45 batu panjang dan lebarnya tujuh batu iaitu seluas 228 batu persegi.

Pada masa itu kawasan Seberang Prai yang ramai penduduknya ialah di bahagian utara. Tahun 1891 penduduk

Seberang Prai berjumlah kira-kira 80,000 orang. Mengikut bancian tahun 1931 jumlahnya menjadi 141,388 orang.

Dalam perjanjian Pangkor itu juga kerajaan Perak menyerahkand Pulau Pangkor, Pulau-pulau Sembilan dan jajahan Dinding kepada Inggeris dengan tujuan supaya kerajaan Inggeris dapat menghapuskan perompak-perompak di kawasan itu. Pada tahun 1934 tempat-tempat tersebut dimasukkan dalam pemerintahan Pulau Pinang, dinamakan jajahan Dinding. Pada awal tahun 1935 jajahan itu diserahkan kembali kepada kerajaan Perak.

Sejak Inggeris memerintah Pulau Pinang, di samping memajukan negeri itu mereka memberikan perhatian untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai tempat peranginan, terutamanya untuk keperluan pegawai-pegawai Inggeris di India yang menghabiskan masa cutinya di pulau ini. Selain daripada mendirikan rumah-rumah peranginan dan rumah beristirahat di atas Bukit Bendera, ada juga yang didirikan di tepi-tepi pantai. Keretapi bukit di Bukit Bendera mula dibuka dalam tahun 1923.

Sejak dibuka, Pulau Pinang merupakan pelabuhan terpenting di bahagian utara Tanah Melayu khususnya di Selat Melaka. Bagi kerajaan Inggeris, Pulau Pinang mengambil tempat kedua di rantau ini selepas Singapura. Pulau Pinang berkembang sebagai pusat mengumpul dan mengagihkan barang-barang dagangan. Pelabuhan Pulau Pinang sentiasa berurus dengan negara-negara yang berdekatan iaitu Sumatera Utara, Indonesia, Burma dan Siam. Bagaimanapun pelabuhan ini agak merosot apabila Singapura dibuka dan akhirnya menjadi pelabuhan Inggeris yang terpenting di rantau ini.

Sebagai pusat perdagangan ia didatangi oleh orang-orang dari beberapa tempat, menjadikan penduduk negeri ini bertambah dengan pesat dari semasa ke semasa. Antara kegiatan dan pembangunan ekonomi yang pernah dimajukan di negeri ini pada masa dahulu ialah penanaman tebu secara meluas di daerah Seberang dan Pulau Pinang. Selain daripada itu di-

usahaikan juga penanaman getah dan kopi.

Jalan raya utama di Seberang Prai siap dibina dalam tahun 1911. Pembinaan landasan keretapi dari Seberang Prai bersambung ke Perak, Selangor hingga ke Seremban, Negeri Sembilan siap dalam tahun 1903. Dalam tahun 1911 landasan keretapi yang menghubungkan Bukit Mertajam dengan Seberang Prai, Sungai Petani, Alor Setar dan Padang Besar telah dapat digunakan. Pulau Pinang adalah salah sebuah negeri di Tanah Melayu pada masa dahulu yang mempunyai perkhidmatan udara bersama-sama dengan Singapura dan Kuala Lumpur.

Sekolah Inggeris kerajaan yang terkenal iaitu Penang Free School telah didirikan dalam tahun 1816. Selepas itu banyak pula sekolah-sekolah didirikan oleh pengembang-pengembang agama Kristian. Sekolah Melayu yang pertama didirikan di negeri ini dalam tahun 1855 iaitu di Bayan Lepas. Sebelum Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua, perkembangan pelajaran di Pulau Pinang boleh dikatakan melebihi daripada negeri-negeri lain di Tanah Melayu.

Pada suatu masa dahulu Pulau Pinang merupakan negeri yang banyak menerbitkan akhbar dan majalah. Negeri ini berganding dengan Singapura di bidang penerbitan. Antara tahun 1894 hingga tahun 1900 terdapat 34 penerbitan berkala yang berpusat di negeri ini iaitu sebelas buah akhbar dan 23 buah majalah. Sepanjang tahun 1920-an hingga 1930-an, Pulau Pinang merupakan pusat tumpuan penulis-penulis di Tanah Melayu bagi menyumbangkan karya-karya mereka untuk dimuatkan di akhbar dan majalah yang diterbitkan di sini.

Akhbar yang pertama diterbitkan di negeri ini ialah *Tanjung Negeri* (1894). Akhbar-akhbar dan majalah-majalah lain ialah *Lingkungan Bulan*, *Bintang Timur*, *Cahaya Pulau Pinang*, *Idaran Zaman*, *Al-Ikhwan*, *Suara Melayu*, *Dunia Melayu*, *Semangat Islam*, *Warta Penang*, *Cahaya Timur*, *Bahera*, *Bumiputera*, *Persahabatan*, *Majalah Cerita*, *Sahabat*, *Warta Negara*, *Warta Mingguan* dan *Majalah Guru*.

*Majalah Guru* adalah suara rasmi Kesatuan Persatuan Guru-guru Melayu Semenanjung. Ia mula diterbitkan oleh Persekutuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang pada bulan Julai 1922.

Pergerakan sosial yang bercorak persuratan yang terkenal dengan namanya *Persaudaraan Sahabat Pena Malaya* (PSPM) ditubukan di negeri ini. Antara tujuan PSPM adalah:

- (a) Mendirikan suatu roh perhubungan berkenalan dan pergaulan dan mempereratkan persekitaran sahabat sesama ahli;
- (b) Hendak memperluaskan sekalian ahlinya bagi mengarang kepada baca-membaca dan menggalakkan karang-mengarang di dalam bahasa dan buku-buku Melayu;
- (c) Mendirikan satu khutubkhanah.

PSPM merupakan pertubuhan atau persatuan yang bercorak kebangsaan. Ahli-ahlinya terdiri daripada lelaki dan wanita dari seluruh Tanah Melayu dan Singapura. Mereka mengadakan hubungan surat-menjurat antara satu sama lain. Persatuan ini beransur-ansur terhenti kegiatannya apabila tertubuhnya badan-badan penulis di beberapa buah negeri di Tanah Melayu dan juga di Singapura, seperti Angkatan Sasterawan Lima Puluh (Asas'50) di Singapura, Ikatan Persuratan Melayu di Melaka dan Angkatan Sasterawan Utara di Pulau Pinang yang nama ringkasnya ialah Asas Utama.

Bersama-sama dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu, Pulau Pinang diperintah oleh tentera Jepun dari bulan Disember tahun 1941 hingga penghujung tahun 1945. Tentera Jepun menawan Pulau Pinang dalam bulan Disember 1941. Orang-orang Inggeris lari meninggalkan negeri ini secara tergesa-gesa, menyebabkan mereka meninggalkan begitu sahaja harta-benda, termasuk kapal-kapal dan perahu di Pelabuhan Pulau Pinang. Tentera Jepun beruntung sebab dapat menggunakan kapal-kapal yang ada di pelabuhan ini

untuk menambah kekuatan dan kemudahan mereka menuan Tanah Melayu dan kemudiannya Singapura.

Selepas tiga setengah tahun tentera Jepun memerintah Tanah Melayu, mereka dapat menggunakan segala kemudahan dan kemewahan yang ada di negeri ini. Betapa penderitaan hidup yang dialami oleh penduduk-penduduk Pulau Pinang adalah sama seperti yang dirasakan di mana-mana tempat di Tanah Melayu dan juga Singapura. Setelah Jepun menyerah kalah dalam perang Dunia Kedua, Inggeris menduduki semula Tanah Melayu dan negeri Pulau Pinang kembali semula menjadi jajahan takluk British.

Corak pemerintahan negeri ini mula berubah daripada Negeri-negeri Selat apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada 1 Februari 1948. Persekutuan Tanah Melayu wujud sebagai suatu bentuk pemerintahan baru terdiri daripada sembilan buah negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat iaitu Melaka dan Pulau Pinang.

Pada 31 Ogos 1957 Pulau Pinang menjadi anggota dalam negara Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Kemudiannya pada 16 Sepember 1963 negara Malaysia ditubuhkan. Sejak merdeka pemerintahan negeri Pulau Pinang diketuai oleh seorang gabenor yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong Malaysia. Gelaran gabenor kemudiannya ditukar kepada Yang Dipertua Negeri seperti Melaka, Sarawak dan Sabah.

---

### *III. Alam Dan Pentadbiran*

---

Negeri Pulau Pinang terletak di bahagian utara Pantai Barat Semenanjung Malaysia, luasnya kira-kira 1040 kilometer persegi. Muka bumi negeri ini terbahagi dua iaitu tanah Pulau Pinang dan Seberang Prai. Tanah Seberang Prai letaknya di tanah besar Semenanjung bertentangan dengan Pulau Pinang. Seberang Prai bersempadan dengan negeri Kedah di sebelah utara dan timurnya, manakala di bahagian selatannya bersempadan dengan negeri Perak Darul Ridzuan. Kedudukan kedua bahagian negeri ini dipisahkan oleh selat.

Keluasan tanah Pulau Pinang lebih kurang 170 kilometer persegi dan keluasan Seberang Prai kira-kira 280 kilometer persegi. Majlis Perbandaran Seberang Prai bertanggungjawab mentadbir serta membangunkan tiga buah daerah Seberang Prai Utara, Seberang Prai Tengah dan Seberang Prai Selatan.

Tempat utama di daerah Seberang Prai Utara ialah pekan Kepala Batas, kawasan Tasik Gelugur, Sungai Dua dan Pungsu Seribu. Di daerah Seberang Prai Tengah terdapat bandar Butterworth, Bukit Mertajam, Permatang Tinggi, Machang Bubuk dan Penanti. Di daerah Seberang Prai Selatan terletak pekan Nibong Tebal, Jawi, Sungai Bagan, Simpang Empat, Permatang Tok Mahat dan Permatang Keling.

Sejak terbina jambatan yang indah dan panjang itu, ada dua cara yang digunakan orang untuk sampai ke bandar ibu negeri ini, iaitu melalui jambatan atau dengan menaiki feri. Bagaimanapun mereka yang tidak mempunyai kenderaan sendiri tetap menaiki feri kerana sehingga kini belum ada perkhidmatan basa yang melalui jambatan itu.

Jambatan Pulau Pinang sepanjang 13.5 kilometer adalah jambatan yang terpanjang sekali di Asia dan ketiga panjangnya di dunia. Pembinaannya dimulakan pada 1 Januari 1982 dan siap sepenuhnya pada 15 Julai 1985. Rancangan pembinaan jambatan ini diumumkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kedua dalam tahun 1974. Alhamdulillah, dalam jangka masa sepuluh tahun ia dapat digunakan. Kini Jambatan Pulau Pinang bukan sahaja menjadi kebanggaan penduduk Pulau Pinang bahkan menjadi kemegahan negara kita Malaysia.

Pelabuhan Pulau Pinang adalah pelabuhan terpenting di bahagian utara Semenanjung dan salah satu pelabuhan utama dan kedua besarnya di Malaysia. Pelabuhan-pelabuhan utama yang lain ialah Pelabuhan Klang, di negeri Selangor Darul Ehsan, Pelabuhan Kinabalu di Sabah, Pelabuhan Kuching di Sarawak dan Pelabuhan Pasir Gudang di Johor. Sebuah lagi pelabuhan besar yang baru dibina ialah di Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Sejak pelabuhan ini dibuka dalam tahun 1786, ia menjadi pusat pengumpulan barang-barang dagangan dari negeri-negeri di bahagian utara Semenanjung dan juga menjadi pusat menerima kemasukan barang-barang yang dibawa dari luar negeri. Sehingga masa ini sebahagian daripada barang-barang eksport Malaysia dari Pantai Timur Semenanjung dihantar ke pelabuhan ini. Dari sini barang-barang itu dihantar ke luar negeri.

Kawasan Pelabuhan Pulau Pinang meliputi perairan yang luas, di antara Pulau Pinang dan tanah besar Semenanjung. Kawasan pedalaman pelabuhan ini meliputi kawasan barat daya sehingga ke kawasan perlombongan bijih timah di Lembah Kinta. Ini adalah termasuk Kedah dan Perlis di utara dan diperluaskan ke Kelantan dan Terengganu.

Kawasan berlabuh di pelabuhan ini adalah di antara Rumah Api Kota Cornwallis dan pelampong Spithead. Kawasan berlabuh yang berasingan disediakan untuk kapal-kapal di bawah kerantina. Alat-alat pelayaran yang moden

disedia dan diselenggarakan oleh Jabatan laut.

Pelabuhan ini mempunyai alat-alat moden yang lengkap bagi memberikan kemudahan perkhidmatan yang diperlukan. Di tanah besar, terdapat empat buah dermaga yang cukup lengkap dan memberikan perkhidmatan secukupnya. Sebuah jeti minyak sayur disediakan untuk membolehkan kerja-kerja muatan dan menyalurkan terus minyak sayur dari kapal atau sebaliknya.

Jeti Swettenham yang terletak di Pulau Pinang, mempunyai alat kelengkapan serta kemudahan iaitu gudang-gudang persinggahan dan simpanan serta sebuah pangkalan penumpang yang moden. Di Prai tersedia pula sebuah pangkalan kargo pukal. Pangkalan ini memberikan perkhidmatan kepada kapal-kapal pukal kering dan cecair.

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang bertanggungjawab menyelenggara, menyedia dan menyealaras perkhidmatan-perkhidmatan pelabuhan dengan cekap dan secukupnya. Tugas suruhanjaya ini termasuk juga mengendalikan feri terus-menerus di antara Pulau Pinang dengan Butterworth, mempertingkat serta memajukan pelabuhan ini.

Perkhidmatan udara antara Pulau Pinang dengan beberapa negeri telah lama wujud. Lapangan Terbang Antara-bangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang merupakan salah sebuah lapangan terbang yang boleh menerima pendaratan kapal terbang besar seperti boing dan airbus. Mulai bulan September 1985 kenderaan darat boleh terus ke Pulau Pinang melalui jambatan yang panjang dan indah itu. Perkhidmatan keretapi di negeri ini telah wujud sejak awal tahun 1900.

Perhentian keretapi yang utama di negeri ini ialah Butterworth. Dari sini para penumpang menaiki feri menyeberang selat untuk pergi ke pusat bandar Georgetown. Perhentian keretapi Butterworth merupakan salah satu perhentian keretapi yang terbesar di Malaysia selepas Kuala Lumpur. Dari perhentian ini ada perkhidmatan keretapi menuju ke utara lalu terus masuk ke negara Thai hingga ke bandar Bangkok.

Selain daripada kegiatan perdagangan, perusahaan kilang adalah kegiatan ekonomi terpenting di negeri ini. Pulau Pinang adalah salah sebuah negeri perusahaan yang terbesar di Malaysia. Kawasan perusahaan yang penting ialah di Mak Mandin, Prai dan Bayan lepas. Berbagai-bagai jenis perusahaan berat dan ringan mengeluarkan pelbagai jenis barang.

Antara barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang berat ialah melebur besi, memasang kereta, membuat alat-alat ganti untuk kereta dan lain-lain. Barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang ringan, antaranya ialah tayar, barang-barang elektronik, kasut, minuman, makanan dan berbagai jenis yang lain lagi. Selain daripada itu terdapat juga perusahaan memproses bahan-bahan tempatan seperti melebur bijih timah, memproses minyak kelapa sawit dan sebagainya.

Pembinaan kilang-kilang di negeri ini bukan sahaja dapat memberi pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan, bahkan juga menerima pekerja-pekerja yang datang dari negeri atau daerah-daerah yang berdekatan. Bagaimanapun pada masa-masa yang akhir ini perusahaan kilang menghadapi masalah ekonomi. Sebilangan ramai pekerja terpaksa diberhentikan kerana ada di antara operasi kilang terpaksa dikurangkan daripada biasa. Namun demikian Pulau Pinang masih merupakan negeri yang maju di bidang perusahaan kilng.

Oleh sebab kawasan tanah di negeri ini terlalu kecil dan tidak mempunyai kawasan yang cukup sesuai untuk memajukan sektor pertanian secara besar-besaran, menyebabkan bidang pertanian tidak memainkan peranan utama dalam perkembangan ekonomi negeri. Kawasan menanam padi secara sederhana terdpat di beberapa tempat di Seberang Prai. Sebenarnya kawasan padi di Seberang Prai merupakan rangkaian daripada dataran Kedah-Perlis iaitu suatu kawasan samudera padi yang terbesar di Malaysia.

Di negeri ini terdapat juga usaha menanam pokok pala. Pokok ini banyak ditanam di sepanjang perjalanan dari Teluk

Bahang hingga ke Balik Pulau. Buah pala di negeri ini amat terkenal di Malaysia kerana baik mutunya dan rasanya sungguh lazat. Buah pala yang telah dijerukkan dapat dibeli di gerai-gerai jualan buah-buahan bersama-sama dengan buah-buahan yang lain.

Perusahaan menangkap ikan dilakukan oleh penduduk-penduduk yg tinggal di bahagian pantai negeri ini. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Seberang Prai memberikan bimbingan serta bantuan kepada para nelayan untuk mempertingkatkan hasil tangkapan mereka. Di Kuala Juru. Seberang Prai telah dijalankan perusahaan menternak kerang di samping usaha menangkap ikan.

Satu lagi kegiatan ekonomi penduduk negeri ini ialah berniaga. Jenis-jenis perniagaan adalah meliputi perniagaan-perniagaan kecil, berjaya hingga kepada jenis perniagaan-perniagaan besar mengikut kemampuan dan kebolehan masing-masing. Kegiatan bermaga secara kecil-kecilan terdapat di mana-mana sahaja di negeri ini terutamanya di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai. Melalui pelabuhan kapal terdapat pelbagai jenis barang dagangan dari luar negeri dibawa masuk ke Malaysia.

Negeri ini sangat diminati oleh para pelancong dari dalam dan luar negeri. Boleh dikatakan sebilangan besar pelancong dari luar negeri lebih berminat melancong ke Pulau Pinang. Mereka tertarik melihatkan keindahan semula jadi di beberapa tempat di sekitar pantai negeri ini yang letaknya jauh daripada tanah besar dan kesibukan lalulintas biasa.

Sebenarnya Pulau Pinang dari awal pembukaannya memang dibina sebagai sebuah negeri tempat peranginan di samping sebagai sebuah bandar pelabuhan. Keadaan dan suasana alam semula jadi di beberapa kawasan di pulau ini amat sesuai untuk menjadi tempat beristirahat dan peranginan yang selesa serta menghiburkan. Antara kawasan peranginan yang paling menarik ialah di Batu Feringgi, Teluk Bahang dan tempat peranginan di atas Bukit iaitu Bukit Bendera.

Kawasan pantai Batu Faringgi dan Teluk Bahang amat terkenal kerana kawasannya luas dan pemandangannya menarik. Di sekitar pantai dipenuhi dengan pohon-pohon ru dan kelapa. Halaman pantainya bukan sahaja bersih bahkan sentiasa redup kerana dibayangi oleh pohon-pohon yang subur dan menghijau. Tiupan angin dari laut yang sentiasa tenang menjadikan suasana di sini terasa nyaman dan menyegarkan.

Di perairan selat negeri ini terdapat sebuah pulau kecil yang dikenali dengan namanya Pulau Jerjak. Nama pulau ini telah lama dikenali oleh masyarakat umum di Malaysia bukan kerana keindahan alamnya tetapi peristiwa yang berlaku dan peranannya yang agak luar biasa. Pulau ini terletak di perairan selat bahagian selatan Pulau Pinang. Lebih daripada dua abda yang lalu iaitu sebelum Pulau Pinang dibuka menjadi negeri, Pulau Jerjak dikenali sebagai salah satu *sarang perompak* dan *lanun* yang menjalankan kegiatannya di bahagian utara Selat Melaka.

Di zaman penjajahan Inggeris pulau ini dijadikan tempat pengasingan (kuarantin) bagi pesakit-pesakit kusta. Penyakit ini sangat merbahaya dan sukar diubati. Menurut ceritanya, kebanyakannya daripada pesakit kusta yang diasingkan di sini tidak akan kembali semula ke tempat asalnya. Pada masa ini Pulau Jerjak dijadikan kawasan khas sebagai pusat tahanan bagi penjenayah-penjenayah dan juga pusat pemulihan bagi penagih-penagih dadah. Selain daripada Pulau Jerjak, terdapat juga pulau-pulau kecil yang lain, antaranya ialah Pulau Harimau dan Pulau Aman.

Pulau Pinang dikenali juga sebagai salah sebuah negeri di Malaysia yang mempunyai institusi pengajian dan pelajaran yang terkemuka. Satu-satunya pusat pengajian tinggi Malaysia yang terletak di negeri ini ialah Universiti Sains Malaysia (USM). Di samping itu terdapat juga dua buah maktab perguruan iaitu Maktab Perguruan Pulau Pinang dan Maktab Perguruan Seri Pinang. Sekolah menengah yang tertua di Malaysia yang dikenali dengan namanya *Penang Free School*

'Penang Free School'




masih wujud di negeri ini. Selain daripada itu terdapat juga sebuah pusat penyelidikan yang dikenali sebagai Pusat Penyelidikan Matematik dan Sains Asia Tenggara.

USM yang telah berusia hampir 20 tahun itu berkembang pesat dari segi fizikal dan akademik dan juga penyelidikan. Bidang-bidang pelajaran tinggi yang disediakan di universiti ini adalah meliputi sains tulen, sains kegunaan, sains farmasi, sains bangunan, sains kejuruteraan, teknologi perindustrian, sains perubatan, sains sosial, ilmu kemanusiaan, komunikasi, pengurusan dan pendidikan.

Dari semasa ke semasa perubahan dibuat bagi menawarkan kursus-kursus dan bidang-bidang pengajian yang baru. Antaranya ialah penawaran kursus ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Sarjana Muda Sains Komputer, Sarjana Muda Komunikasi, Sarjana Muda Pengurusan, Sarjana Muda Kejuruteraan dan Sarjana Muda Teknologi. Universiti ini juga mengadakan pengajian luar kampus.

Pulau Pinang terus membangun. Pentadbiran kerajaan negeri telah berjaya memajukan bidang perusahaan, pelancongan serta membina bandar-bandar dan pekan-pekan baru di negeri ini. Penduduk negeri Pulau Pinang berjumpa kira-kira 911,586 orang (1985). Mereka terdiri daripada orang Melayu, Cina, India dan bangsa-bangsa lain. Orang Melayu lebih ramai tinggal di Seberang Prai dan orang Cina lebih ramai yang tinggal di Pulau Pinang. Pendapatan per kapitanya adalah yang kedua tingginya selepas negeri Selangor Darul Ehsan dan Wilayah Persekutuan. Negeri ini lebih maju daripada negeri-negeri lain di Malaysia.

Bendera negeri Pulau Pinang mengandungi tiga warna iaitu biru muda, putih dan kuning. Biru muda melambangkan warna laut yang indah mengelilingi pulau ini. Warna putih membawa maksud bahawa negeri Pulau Pinang yang aman damai. Warna kuning pula menandakan kemakmuran. Di tengah-tengah bahagian yang berwarna putih terdapat pokok pinang. Daripada pokok inilah Pulau Pinang mendapat nama.



Lambang negeri Pulau Pinang mengandungi beberapa gambar. Pohon pinang yang terletak di puncak lambang adalah asal nama pulau ini. Tiga helai bulu burung kasawari ialah lencana Prince of Wales dan ini mengingatkan kembali kepada sejarah bahawa Pulau Pinang pada suatu masa dahulu dinamakan Pulau Prince of Wales. Ombak putih dan biru menunjukkan laut yang mengelilingi pulau ini. Kota adalah melambangkan kuasa kerajaan negeri Pulau Pinang.

---

## *IV. Keindahan Pulau Pinang*

---

Keindahan Pulau Pinang telah terkenal bukan sahaja di Malaysia malah hingga di luar negeri. Laut dan pantai yang mengelilingi pulau ini sentiasa tenang dan pemandangan sekitarnya sungguh menarik. Tempat-tempat pelancongan yang terdapat di sekitar negeri ini tersedia dengan berbagai-bagi kemudahan tempat tinggal dan kawasan mandi-manda, berkelah dan beristirahat yang menyegarkan. Di samping itu terdapat pula beberapa kampung tradisi untuk dilawati. Selain daripada itu bangunan-bangunan tinggi berdiri megah di kawasan bandar ibu negeri ini.

1. GEORGETOWN: Bandar ini ialah ibu negeri Pulau Pinang dan ia bertaraf bandaraya. Bagi masyarakat umum Pulau Pinang dan negeri-negeri berhampiran memanggilnya dengan nama *Tanjung* iaitu nama asalnya yang telah dibina pada tahun 1786. Orang yang bertanggungjawab mendirikan bandar ini ialah Francis Light. Bandar yang telah berusia lebih daripada dua abad ini merupakan yang kedua besarnya di Malaysia bahkan salah sebuah bandar utama dan terpenting di negara ini.


Sejak dari masa dibuka bandar ini adalah bandar pelabuhan. Kini ia menjadi pelabuhan yang kedua besarnya di Malaysia selepas Pelabuhan Klang di Selangor Darul Ehsan. Bahan-bahan import utama melalui pelabuhan ini adalah beras dari Siam dan barang-barang buatan dari Eropah dan India. Eksport utamanya adalah getah, bijih timah, kayu balak dan kelapa sawit. Pelabuhan Pulau Pinang pernah menjadi pelabuhan bebas cukai tetapi kini tidak lagi.

Sebagai pusat pentadbiran negeri dan pelabuhan penting, bandar ini sentiasa sibuk. Bangunan-bangunan tinggi terdapat di sekitar bandar dan ternampak jelas dari Seberang Prai. Bangunan tertinggi di bandar ini ialah Kompleks Tun Razak, sebutan ringkasnya KOMTAR. Ia merupakan bangunan yang tertinggi sekali di Asia Tenggara. Di bangunan inilah letaknya pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang dan ahli-ahli Majlis Kerja Negeri dan Persekutuan. Di tingkat bawah dan di tingkat satu dan dua bangunan pencakar langit ini terdapat ruang-ruang kedai, termasuk sebuah emporium, pawagam dan sebagainya.


Gedung-gedung perniagaan banyak terdapat di sekitar bandar. Keistimewaan membeli-belah di bandar ini ialah kita dapat membeli pelbagai jenis barang, yang sebahagian besarnya didatangkan dari luar negeri. Kebanyakan daripada kedai-kedai di bandar ini membuka perniagaannya dari jam sembilan pagi hingga jam enam petang. Ada juga yang memulakan perniagaan mereka pada jam sepuluh pagi dan ditutup pada jam sepuluh malam. Pusat membeli-belah yang terkenal dan sentiasa dikunjungi ramai ialah di Jalan Penang, Lebuh Pantai dan Lebuh Campbell.

*Masjid Negeri* terletak di Jalan Air Itam. Masjid yang dibina dalam tahun 1980 itu boleh memuatkan 5,000 jemaah dan merupakan satu daripada masjid yang tercantik di Malaysia. (Bangunan masjid ini dilengkapi dengan pelbagai kelengkapan yang lain seperti dewan kuliah, perpustakaan, bilik mesyuarat dan keperluan-keperluan lain yang selaras dengan kehendak dan pengertian Islam. Dari atas menara masjid setinggi 518 meter itu kita dapat melihat panorama bandaraya Georgetown dengan jelas.)

Di samping bangunan-bangunan tinggi, terdapat juga bangunan-bangunan lama yang masih kukuh dan menggambarkan unsur-unsur penjajahan British dan budaya Barat yang bertapak di negeri ini selama kira-kira dua Abad. Bangunan-bangunan lama terdapat di bahagian tepi pantai yang berhadapan dengan Selat Utara dan Selat Selatan di



Bangunan KOMTAR



Masjid Negeri

sekitar bandar ini. Kebanyakan daripada bangunan hotel di bandar ini terletak di tepi pantai dan yang berhampiran dengan pantai.

*Feri* merupakan perkhidmatan pengangkutan yang penting dan memberi khidmat 24 jam sehari. Ia bukan sahaja membawa penumpang bahkan termasuk juga semua jenis kendaraan awam. Nama-nama feri diambil daripada nama-nama pulau di Malaysia, antaranya Pulau Tioman, Pulau Langkawi, Pulau Aman dan Pulau Rawa. Meskipun telah ada jambatan yang menghubungkan di antara Pulau Pinang dengan Seberang Prai, namun perkhidmatan feri memainkan peranan utama di bidang pengangkutan di negeri ini. Perkhidmatan feri ini dikendalikan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Bas Majlis Bandaran menyediakan perkhidmatan keliling bandar dengan harga tambang antara 15 hingga 45 sen sahaja. Perkhidmatan teksi adalah cukup untuk keperluan awam. Perkhidmatan pengangkutan yang paling digemari oleh para pelancong ketika berada di bandar ini ialah beca. Bayaran biasa bagi perkhidmatan beca untuk perjalanan satu kilometer lebih kurang \$1.25 sen.

*Pangkalan Raja Tun Uda* merupakan salah satu tempat perhentian beca roda tiga di bandar ini. Perkhidmatan biasa yang dilakukan oleh beca-beca di bandar ini, di samping membawa penumpang, digunakan juga untuk membawa barang-barang keperluan rumah, sayur-sayuran dan menghantar kanak-kanak ke sekolah. Selain daripada itu beca roda tiga memberikan khidmat yang berkesan kepada para pelancong yang ingin bersiar-siar di sekitar bandaraya ini atau untuk pergi ke tempat-tempat tertentu.

Suatu projek istimewa yang diwujudkan di bandaraya ini ialah projek yang dinamakan *Beca Warisan Pulau Pinang*. Projek perkhidmatan ini telah diatur oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Melalui projek ini para pengayuh beca perlu menjalankan perkhidmatan dengan cara yang lebih berdisiplin dari berbudi bahasa. Mereka memakai

pakaian yang lebih wajar ketika menjalankan perkhidmatan dan beca mereka sentiasa dijaga kebersihannya.

2. BUKIT BENDERA: Bukit ini dapat dianggap sebagai salah satu lambang keindahan Pulau Mutiara Timur ini. Ia merupakan salah satu tempat peranginan di atas bukit yang paling menarik di Malaysia kerana letaknya di dalam sebuah pulau. Pada umumnya orang yang datang ke negeri ini dengan tujuan melancong, tidak akan berasa puas jika tidak naik ke puncak bukit setinggi 821 meter itu. Keretapi Bukit Bendera mempunyai jadual yang tetap untuk naik dan turun di bukit ini.

Jadual perkhidmatannya: Bertolak dari stesen kaki bukit antara jam 6.30 — 7.30 pagi, tiap-tiap 15 minit. Jam 7.15 — 9.15 malam tiap-tiap 30 minit, 2.00 petang — 11.45 malam sebagai masa tambahan tiap-tiap 30 minit pada hari-hari Rabu, Sabtu dan Ahad sahaja. Bertolak dari stesen di atas bukit bermula jam 6.30 — 7.15 pagi tiap-tiap 15 minit dan 7.15 pagi — 12.00 malam tiap-tiap 30 minit. Tambang bagi satu perjalanan naik dan turun ialah tiga ringgit. Bagaimanapun jadual perjalanan mungkin berubah dari semasa ke semasa mengikut keadaan.

Kawasan di atas bukit ini tidaklah berapa besar tetapi cukup untuk keperluan bagi suatu kawasan beristirahat yang selesa serta memuaskan. Pemandangan di sekitarnya sungguh menarik. Udara bersih dan hawanya sejuk sederhana, memberikan rasa nyaman yang menyegarkan. Biasanya di puncak bukit ini sering disirami oleh gerimis.

Dalam perjalanan mendaki dan menurun kita akan dapat melihat pemandangan yang indah di sekitar pulau ini. Kita akan terpesona melihatkan langit biru dan awan berarak melindunginya. Di kejauhan kelihatan hamparan pasir putih di pesisir pantai. Di perairan terdapat pula sampan dan kapal berlabuh. Perkampungan nelayan yang sederhana dan damai, bangunan-bangunan di sekitar bandaraya dapat dilihat dari jauh, namun pemandangannya sungguh menarik.



Bukit Bendera


**3. JAMBATAN PULAU PINANG:** Jambatan panjang dan indah ini seolah-olah seperti tanah penyambung bagi menyatukan sebahagian daripada tanah negeri Pulau Pinang supaya bercantum dengan tanah besar Semenanjung Malaysia. Dengan itu tidak ada lagi bahagian terpenting negeri-negeri di Semenanjung yang tidak boleh dilalui dengan kenderaan darat, kecuali daerah Langkawi di negeri Kedah.

Jambatan sepanjang 13.5 kilometer ini dibina daripada berjuta tan metrik kepingan logam konkrit dan besi waja. Bahagian yang merintangi selat adalah sepanjang 8.5 kilometer. Ia berbentuk gelegar konkrit dengan empat lorong laluan kenderaan dan memberi kemudahan belayar kepada kapal-kapal setinggi 30 meter. Jambatan raksasa ini menghubungkan tanah besar Semenanjung di Seberang Jaya dengan Batu Uban di Pulau Pinang. Belanja membina jambatan ini ialah 1.2 billion ringgit dan menggunakan 2,800 orang pekerja.

Melalui Jambatan Pulau Pinang kita dapat menghalakan pandangan ke beberapa arah di sekitar perairan selat yang tenang dan beralun. Bangunan-bangunan tinggi di sekitar bandaraya kelihatan berbalam dari pandangan jauh tetapi nampak nyata sebagai lambang kemajuan negeri ini. Jauh ke selatan selat kelihatan pula Pulau Jerjak yang menyimpan penghuni khusus yang mempunyai pelbagai peristiwa dan cerita. Bagaimanapun jambatan indah ini hanya sesuai untuk laluan kenderaan sahaja. Orang-orang yang berjalan kaki tidak akan larat menyeberang ke Pulau Pinang atau sebaliknya kerana jaraknya yang begitu jauh.

**4. I.P.M.:** IPM adalah singkatan daripada perkataan Institut Perikanan Malaysia. Kompleks ini terletak di Batu Maung, Pulau Pinang, dibina pada tahun 1983. Ia dilengkapi dengan berbagai-bagai kemudahan dan keperluan seperti bangunan pentadbiran, menara penglihatan, bangunan pengajaran, dewan besar, bangunan peralatan, bengkel kejuruteraan, bangunan makmal pengendalian ikan, bangunan-

Jambatan Pulau Pinang



bangunan asrama, bilik rehat, kantin dan kemudahan bersukan.


Tujuan utama institut ini adalah untuk meningkatkan kebolehan dan kecekapan nelayan dalam pelbagai bidang seperti pelayaran, peralatan, penyelenggaraan enjin dan pengendalian ikan. IPM juga menjadi pakar rujuk dan penasihat teknikal dalam bidang penangkapan ikan kepada cawangan-cawangan Jabatan Perikanan.

Satu daripada kursus yang disediakan ialah kursus sijil kecekapan juragan. Kandungan kursusnya meliputi bidang bearing, kompas, sistem boyo, undang-undang pelabuhan, peraturan mencegah pelanggaran di laut antarabangsa, isyarat-isyarat perhubungan antarabangsa, simbol-simbol dan singkatan peta laut dan cara-cara pengendalian bot. Kursus-kursus lain ialah sijil kecekapan pengendalian enjin, teknologi peralatan perikanan, modular pekerja enjin, modular pelayaran, modular pengendalian ikan dan kursus modular alat pengesan ikan serta ilmu pelayaran.

Kursus modular peralatan dan pengendalian ikan adalah meliputi cara-cara pengendalian alat-alat penangkap ikan laut dan cara-cara mengawal kesegaran ikan basah. Kursus modular pelayaran dan pengendalian ikan membabitkan latihan pengenalan kepada ilmu pelayaran. Latihan ini adalah tentang menjangka peta laut, sistem boyo, simbol dan singkatan, peraturan mencegah pelanggaran di laut antarabangsa dan cara-cara mengawal kesegaran ikan basah. Nelayan-nelayan yang mengikuti kursus di IPM mampu mengusahakan tangkapan ikan di laut dalam jika mereka mempunyai peralatan atau modal yang mencukupi.

IPM memiliki tujuh buah kapal latihan (KL). Nama-nama kapal itu diambil daripada nama-nama ikan yang terdapat di perairan negeri ini seperti KL Kurau, KL Bawal, KL Talang dan empat buah KL Kerapu. Kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk pelatih-pelatih nelayan ialah makanan dan tempat penginapan percuma, tambang pergi dan balik ber-kursus. Institut ini mempunyai sebuah cawangannya di

Jeti (IPM) Pulau Pinang



Seberang Takir, Kuala Terengganu.


5. BUTTERWORTH: Bandar ini adalah bandar kedua besarnya di negeri ini dan yang terbesar di bahagian Seberang Prai. Ia terletak di pinggir selat yang berhadapan dengan bandaraya Georgetown. Di sinilah letaknya pangkalan perkhidmatan feri yang menghubungkan di antara kedua bandar utama di negeri ini. Pangkalan feri di sini ialah Pangkalan Tengku Abdul Halim. Pembangunan dan perkembangan bandar ini adalah pesat. Bangunan-bangunan baru didirikan dari semasa ke semasa untuk memenuhi keperluan pentadbiran dan perkembangan ekonomi dan sosial di kawasan bandar ini.

Antara bangunan-bangunan yang menarik di sekitar bandar ini ialah Wisma UMNO Seberang Prai Utara setinggi 12 tingkat. Selain daripda itu terdapat dua buah hotel bertaraf sederhana. Bangunan-bangunan lain yang terkenal ialah Bangunan Taman Selat, Bank Islam, Bank Syarikat Kerjasama Seberang Prai, United Asian Bank dan beberapa bank perdagangan yang lain lagi.

Kawasan sekitar bandar ini agak terurus dengan baik. Dua jalan utamanya iaitu Jalan Bagan Luar dan Jalan Kampung Benggali merupakan kawasan yang menarik. Pokok-pokok bunga dan pokok-pokok rendang ditanam menjadikan kawasan di sekitarnya kelihatan menarik.

Di Butterworth terdapat juga dermaga air dalam tempat kapal-kapal besar berlabuh. Selain daripada itu terdapat juga kilang-kilang membuat pelbagai jenis makanan seperti biskut dan yang seumpamanya, kilang getah, kilang minyak dan lain-lain. Kawasan perusahaan yang berhampiran dengan bandar ini dikenali dengan nama Mak Mandin dan Prai. Antara bahan-bahan yang dikeluarkan oleh kilang-kilang di sini ialah kain, besi dan keluli dan juga terdapat sebuah kilang gula yang besar.

Butterworth merupakan pusat perhentian keretapi yang kedua besarnya di Semenanjung Malaysia selepas perhentian keretapi Kuala Lumpur. Jadual perjalanan dari bandar ini ke



Feri



*Wisma UMNO, Seberang Prai Utara*

Kuala Lumpur sebanyak empat kali sehari iaitu dua perjalanan pagi dan dua perjalanan siang. Jadual siang bertolak pada jam 6.30 dan 8.30 pagi, tiba di Kuala Lumpur kira-kira pada jam 1.15 dan satu lagi pada jam 6.10 petang. Perjalanan malam ialah pada jam 8.00 dan 10.00 malam, tiba di Kuala Lumpur kira-kira jam 1.50 dan satu lagi pada jam 7.20 pagi.

Di bandar ini ada juga perkhidmatan teksi dan bas ekspres untuk perjalanan jauh iaitu arah ke selatan sampai ke Kuala Lumpur, Melaka dan Johor Bahru. Perjalanan ke utara ialah sampai ke bandar Kangar, ibu negeri Perlis. Perkhidmatan teksi biasanya berjalan pada waktu siang dan perkhidmatan bas ekspres perjalanan jauh berjalan pada waktu siang dan juga malam.

6. BUKIT MERTAJAM: Bandar ini adalah bandar yang kedua besarnya di Seberang Prai. Letaknya lebih kurang 3.5 kilometer dari bandar Butterworth. Melihat kepada kedudukannya dan perkembangannya sekarang Bukit Mertajam merupakan bandar rangkaian daripada Butterworth. Bandar ini terus berkembang dan mempunyai berbagai-bagai kemudahan untuk penduduk-penduduk sekitarnya untuk membeli-belah. Landasan keretapi di sini bercabang ke Butterworth.

Di Kubang Hulu lebih kurang enam kilometer dari timur laut bandar bukit Mertajam terdapat sebuah empangan yang dikendali dengan nama *Skim Simpanan Air Berpam Mengkuang*. Tadahan air di ampangan ini dapat menampung bekalan air hingga tahun 2000 untuk kegunaan penduduk Pulau Pinang. Air yang bertakung tenang dalam ampangan ini ialah sebanyak 23.6 juta meter padu.

Pemandangan di sekitar ampangan ini amat menarik. Kehijauan bukit-bukau mengelilingi kawasan ini menyegarkan pandangan. Kawasan ini amat sesuai dijadikan taman rekreasi. Menyusur di tebingnya kita dapat melihat anak-anak ikan bebas bergerak di air tenang dalam suasana nyaman dan sepi itu.

*Kawasan Hutan Lipur* yang terletak di Ceruk Tok Kun adalah suatu kawasan hutan rekreasi yang menarik di daerah Bukit Mertajam. Jabatan Perhutanan Pulau Pinang telah membina kawasan indah ini dengan menanam pokok-pokok bunga dan pondok-pondok tempat berhat yang boleh digunakan oleh para pengunjung ke taman ini. Selain daripada itu didapati juga lorong-lorong jalan kaki yang diatur rapi dan dibina pula jambatan-jambatan kecil serta anak-anak tangga bagi menyambungkan antara kawasan-kawasan di sekitarnya.

Untuk kemudahan dan keperluan para pengunjung diadakan pula tempat-tempat permainan, sebuah kolah air terjun untuk tempat mandi-manda yang menyegarkan. Mereka yang ingin bersiar-siar di taman ini boleh mendaki ke suatu kawasan tanah tinggi. Dari atasnya kita dapat melihat beberapa kawasan yang menarik di sekitar Pulau Pinang seperti Jambatan Pulau Pinang, Ampangan Mengkuang di Kubang Hulu, Bukit Mertajam dan kawasan sawah padi.

7. **BAYAN LEPAS:** Tempat ini terkenal kerana lapangan terbang yang dikenali dengan namanya Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang. Ia terletak di bahagian tenggara Pulau Pinang, sejauh 17.6 kilometer dari pusat bandaraya Georgetown. Selain daripada itu Bayan Lepas terkenal juga sebagai kawasan perindustrian di negeri ini.

Kawasan perindustrian di sini terletak di suatu tempat kira-kira tiga kilometer dari pusat badaraya. Barang-barang utama yang diusahakan di sini ialah pelbagai jenis barang elektrik. Hasil-hasil keluarannya dieksport ke luar negeri Bandar Bayan Lepas dikelilingi oleh zon perdagangan bebas.

8. **BALIK PULAU:** Bandar ini terletak di daerah barat daya Pulau Pinang. Jauhnya dari bandaraya Georgetown lebih kurang 22.5 kilometer. Bandar ini agak jauh dari pantai. Kawasan sekitar Balik Pulau dikenali sebagai kawasan padi di negeri ini. Di samping itu terdapat juga ladang-ladang tanaman pokok cengklik dan kebuh buah-buahan.



Hutan Lipur, Bukit Mertajam


**9. RUMAH API:** Di sekeliling Pulau Pinang terdapat tiga buah rumah api iaitu tempat pedoman laluan kapal di kawasan-kawasan yang berkenaan. Rumah api itu dinyalakan di waktu malam dan cahayanya dapat dilihat dengan jelas dari jarak jauh. Ia amat penting bagi nakhoda kapal dan para nelayan untuk mengelakkan sebarang bencana atau halangan di kawasan perairan yang berhampiran dengan rumah api itu. Tempat-tempat rumah api terletak di Pulau Harimau, Pucat Muka dan berhampiran dengan Kota Lama.

**10. TAMAN BOTANICAL:** Taman bunga ini dikenali juga sebagai Taman Air Terjun. Ia terletak kira-kira lapan kilometer dari pusat bandaraya Georgetown. Sekitar kawasan taman ini kelihatan bersih dan terurus dengan baik. Taman yang terhias dengan pohon-pohon bunga yang rendang itu terdapat pula air terjun, menjadikan susana taman lebih menarik.

Kawasan taman ini agak luas serta dikelilingi oleh bukit-bukau yang subur menghijau. Suasana di sekeliling taman sentiasa tenang, namun dalam ketenangan itu kedengaran juga bunyi air terjun yang menjadi seri keindahan taman ini.

Keistimewaan taman ini kerana adanya monyet-monyet yang dipelihara di dalamnya. Monyet-monyet di taman ini amat jinak. Pengunjung taman dapat menghampiri monyet-monyet itu sambil memberikan makanan kepada binatang-binatang yang sememangnya biasa berdampingan dengan manusia itu.

**11. MUZIUM PERHUTANAN PULAU PINANG:** Muzium ini terletak di Teluk Bahang, dalam suatu kawasan rekreasi rimba yang berhampiran dengan Taman Rama-rama. Bangunan muzium ini kelihatan menarik kerana dindingnya dihias dengan papan kayu getah, seraya, memasau, damar minyak, jati balau, cengal dan kayu merbau. Suasana di dalamnya kelihatan sungguh luar biasa kerana tiang-tiangnya dihias dengan beberapa jenis rotan, termasuk bertam, batang nibung dan pinang hutan. Selain daripada itu terdapat pula beberapa jenis keratan kayu hutan yang dipamerkan di dalamnya.



Taman Botanikal

Di dalam muzium ini kita dapat melihat peta-peta dan penerangan-penerangan mengenai hutan-hutan di Malaysia.

Terdapat lapan diorama perhutanan dan setiap satunya ditunjukkan keadaan hutan serta jenis-jenis tumbuhan yang terdapat di hutan paya laut, hutan kapur, hutan gunung dan lain-lain. Keterangan mengenai hutan-hutan itu dinyatakan dengan jelas.

Menyaksikan bahan-bahan yang dipamerkan di dalam muzium ini kita akan mendapat pengetahuan asas tentang perhutanan di negara ini dalam segenap seginya. Ia juga termasuk jenis-jenis pokok, kawasan-kawasan tempat pokok-pokok itu tumbuh, kegunaannya dan nama-nama negeri tempat pokok-pokok itu banyak tumbuh.

Selain daripada itu terdapat juga pameran pelbagai jenis serangga perosak kayu atau pokok yang telah diawet. Antara contoh-contoh serangga yang dapat kita lihat dengan jelas ialah jenis-jenis kumbang, bubuk kayu, anai-anai dan pasak laut. Terdapat juga ruangan khas yang mempamerkan tentang pengeluaran kayu balak yang diusahakan di beberapa kawasan membalak di Malaysia. Satu lagi sudut yang menarik ialah sebuah gerai pameran kraftangan. Gerai itu dibina daripada batang nibung dan kayu. Dindingnya dibuat daripada buluh yang dianyam dan menggunakan atap nipah.

Di luar muzium kita dapat bersiar-siar di *Taman Rekreasi Rimba*. Berbagai-bagai jenis pokok tempatan terdapat di sekitar taman ini. Kita dapat mengenal jenis-jenis pokok itu daripada nama yang tertulis pada lebalnya. Keadaan di sekitarnya bertambah menarik dengan adanya air terjun yang bertingkat-tingkat dan ia amat sesuai dijadikan tempat mandi-manda untuk menyegarkan badan.

12. TAMAN RAMA-RAMA: Taman luar biasa ini terletak berhampiran dengan Muzium Perhutanan dan Taman Rekreasi Rimba di Teluk Bahang, kira-kira 20 kilometer dari bandaraya Georgetown. Ia merupakan taman rama-rama yang terbesar di dunia. Di sekitar taman yang menarik ini terdapat kira-kira 3000 jenis rama-rama. Rama-rama di



taman khas ini dibiarkan bebas berterbangan di dalam suatu kawasan sangkar jaring yang dibuat daripada dawai.

Rama-rama adalah sebangsa dengan kupu-kupu tetapi di antara keduanya mempunyai ciri-ciri perbezaan yang tertentu. Lazimnya kupu-kupu terbang pada waktu malam sementara rama-rama biasanya terbang pada waktu siang. Badan rama-rama lebih kecil daripada badan kupu-kupu. Ketika hinggap di sesuatu tempat, kepak rama-rama bertangkup tegak, sedangkan kupu-kupu apabila hinggap kepaknya terbentang seperti sayap kapal terbang.

Untuk keperluan hidup rama-rama, di taman ini ditanam pelbagai jenis pokok bunga serta tanaman liar. Pokok-pokok itu menjadi tempat rama-rama bertelur dan mencari madu bunga untuk membiakkan rama-rama yang tinggal di taman ini. Selain daripada itu terdapat pula bunga-bunga raya diletakkan khas di taman ini. Ia amat perlu untuk rama-rama menghisap madu daripada bunga-bunga raya itu. Rama-rama menggunakan belalai di bahagian mulutnya untuk menghisap madu yang terdapat jauh di dalam bunga itu. Pada umumnya rama-rama bertelur setahun sekali.

Di taman ini juga terdapat sarang lebah. Ia ditempatkan di suatu ruang yang berasingan supaya lebah-lebah itu tidak terbang masuk ke dalam Taman Rama-rama itu. Selain daripada itu terdapat juga beberapa ekor belalang ranting, kala jengking, kumbang dan belalang gajah. Dalam sebuah kolam teratai terdapat pula sepasang itik Rusia yang sedang berenang.

Di luar kawasan taman ini terdapat sebuah bilik pameran. Terdapat berbagai-bagai jenis rama-rama serta maklumat tentang kehidupan rama-rama di taman ini. Pengunjung-pengunjung Taman Rama-rama ini dikenakan bayaran dua ringgit bagi orang dewasa dan seringgit bagi kanak-kanak. Ia dibuka setiap hari dari jam sembilan pagi hingga lima petang.

13. AIR ITAM DAM: Tempat ini dikenali juga sebagai Taman Rakyat Pulau Pinang. Ia terletak di puncak sebuah bukit yang tidak berapa tinggi dan dibina sebuah kolam

sedalam kira-kira 37 meter. Kolam itu dijadikan tempat tadahan air. Kebiruan airnya yang dibayangi pula oleh pokon-pokon hijau yang terdapat di bukit-bukau di sekeliling taman ini, menjadikan pemandangan di sekitarnya sungguh menarik.

Dari taman ini kita dapat melihat sebahagian daripada keindahan bandaraya Georgetown dan di kejauhan kelihatan pula tanah besar Semenanjung Malaysia. Pokon-pokon bunga yang berwarna-warni bunganya kelihatan cantik dan menyegarkan pandangan.


14. **KUIL ULAR:** Kuil Ular yang luar biasa ini terletak di Bayan Lepas. Ia merupakan satu-satunya kuil di Malaysia yang menjadi tempat menyimpan berbagai-bagi jenis ular. Ular-ular di dalam kuil ini kelihatan berlingkaran di celah-celah tempat colok yang terletak di atas meja-meja sembahyang mengikut cara beribadat agama Buddha. Terdapat juga ular-ular yang berlingkar di pasu-pasu bunga, berbelit-belit pada pokok-pokok dan menjalar di dinding-dinding bangunan kuil.

Menurut sejarahnya, kuil yang luar biasa ini didirikan sebagai kenang-kenangan dan untuk memperingati seorang imam besar penganut agama Buddha bernama Chee Sook Kong. Beliau semasa hidupnya dianggap sebagai seorang yang suci dan keramat serta mempunyai kebolehan istimewa iaitu mengubati sebarang penyakit.

15. **BEBERAPA BUAH KUIL:** Selain daripada Kuil Ular di Bayan Lepas, terdapat juga beberapa buah kuil lain yang sering dikunjungi oleh para pelancong terutamanya pengikut-penganut agama Buddha.

\*Kuil Kek Lok Si adalah sebuah kuil bagi penganut-penganut agama Buddha. Kuil ini dianggap kuil yang terindah sekali di Tenggara Asia. Keistimewaan kuil ini separas tujuh tingkat dan tingginya 30 meter. Binaannya sungguh luar biasa dan menarik kerana terdapat perbezaan bentuk pada sebuah bangunan. Di bahagian bawahnya berbentuk pagoda Burma dan di bahagian atas pula dibina mengikut bentuk pagoda Siam.\*

Kuil Kek Lok Si



*Kuil Kuan In Tong* dikenali juga dengan namanya yang lain iaitu *Kuan Yin Ting*. Kuil ini dianggap sebagai kuil yang tertua dibina di Pulau Pinang. Usia kuil ini dikatakan lebih kurang 160 tahun. Ia juga merupakan kuil yang dibina oleh penganut-penganut agama Buddha. Bangunannya agak sederhana, ia sering dikunjungi oleh para pelancong terutama penganut-penganut agama Buddha.

*Kuil Sri Mariaman* adalah kuil baru, dibina dalam tahun 1953. Kuil ini penuh dihiasi dengan ukiran-ukiran patung. Sebuah patung istimewa iaitu patung Mariaman dihiasi indah dengan emas, perak dan juga permata yang mahal harganya iaitu permata berlian zamrud. Mariaman adalah patung seorang wanita.

*Wat Chayamangkalaran* adalah kuil penganut agama Buddha Siam. Di dalam kuil ini terdapat patung Buddha dalam keadaan berbaring. Patung itu berukuran 33 meter. Ia menghiasi ruang tengah kuil itu.

*Kuil Persatuan Penganut-penganut Agama Buddha Pulau Pinang* agak istimewa. Kuil ini kepunyaan Persatuan Peng-anut-penganut Agama Buddha Pulau Pinang. Ia terletak di Jalan Anson. Keintimewaan kuil ini adalah pada segi bentuknya dan dapat dianggap sebagai sebuah kuil yang berbentuk moden. Dewan besarnya sungguh indah, ia dihiasi dengan lampu-lampu kaca yang didatangkan dari Czechoslovakia. Meja-meja yang terletak di dalam dewan diperbuat daripada kayu berjenis baik serta dihias pula dengan mutiara dari negeri China. Patung-patung yang terdapat di dalam kuil ini terukir daripada batu marmar dari itali.

---

## V. *Ciri-Ciri Budaya*

---

Apabila Pulau Pinang dibuka menjadi negeri dan bandar Georgetown dibina, penduduk negeri kian bertambah. Mereka terdiri daripada berbagai-bagai keturunan bangsa, terutamanya orang Melayu, Cina, India dan beberapa keturunan bangsa yang lain. Orang Melayu lebih ramai tinggal di Seberang Prai. Kebanyakan daripada mereka berasal dari negeri Kedah selatan dan beberapa daerah sekitarnya.

Sungguhpun Pulau Pinang di bawah pemerintahan Inggeris, namun ciri-ciri budaya penduduknya terus hidup mengikut budaya asal keturunan masing-masing. Bagaimanapun dalam perkembangan pelbagai budaya itu terdapat juga beberapa unsur budaya luar yang kemudian melahirkan beberapa bentuk budaya yang dapat dianggap sebagai budaya tempatan negeri ini. Antaranya yang terkenal ialah permainan *boria* dan *wayang bangsawan*.

1. BORIA: Boria adalah sejenis tarian yang telah dianggap sebagai tarian rakyat di negeri Pulau Pinang ini. Ia masih wujud hingga kini tetapi telah mengalami beberapa perubahan dari segi teknik dan isi persembahannya. Pada asalnya tarian ini mengandungi unsur-unsur keagamaan. Sebagai suatu seni yang berunsurkan agama, pada masa dahulu ia dipersembahkan di hari-hari perayaan Islam, seperti menyambut awal Muharam dan lain-lain lagi. Tarian boria berasal daripada kesenian Parsi.

Peredaran masa dan perubahan citarasa masyarakat, kini boria hanya merupakan suatu seni hiburan sahaja, tidak lagi dikaitkan dengan kepercayaan agama. Lagipun, corak dan isinya telah banyak berubah daripada corak asalnya. Generasi lama yang tahu tentang tarian ini dapat membandingkan betapa banyak perubahan yang berlaku di antara boria cara lama dengan yang wujud pada masa ini.

Dalam persempahan boria, terdapat dua pembahagian yang nyata iaitu bahagian pengenalan dan satu lagi bahagian persempahan. Pada bahagian pengenalan ia dimulakan dengan suatu lakonbual. Isi perbualannya berkisar pada tema tari dan nyanyian yang bakal dipersembahkan berikutnya. Sebaik sahaja selesai lakonbual, barulah kumpulan boria masuk ke pentas dengan gerak langkah yang tertentu. Kumpulan tarian ini diketuai oleh seorang juara yang dipanggil sebagai tukang karang yang bertindak sebagai pemimpin bagi mengendalikan persempahan mereka.

Tukang karang akan menari sambil berpantun dan ahli kumpulan akan mengikuti nyanyian itu sambil menari juga. Setiap ungkapan pantun si tukang karang akan disambut oleh penari-penari. Seluruh pantun yang dinyanyikan merupakan isi cerita atau kisah yang disampaikan dalam sesuatu persempahan itu.

Peranan yang dimainkan oleh tukang karang amat penting bagi menghidupkan persempahan boria. Ia mesti dapat menghafal seluruh pantun serta menyebutnya dengan lancar dan berkesan. Ini bererti bahawa orang yang dipilih menjadi tukang karang mestilah orang yang pandai serta cekap berpantun.

Pada masa dahulu isi pantun-pantun yang dinyanyikan adalah bebas serta melucukan. Dalam persempahan boria kini, pantun-pantun yang dinyanyikan seolah-olah telah ditetapkan temanya. Pada umumnya ia bercorak nasihat atau memuji sesuatu, kadang-kadang membosankan orang mendengarnya.

Penari-penari boria pada masa dahulu adalah terdiri daripada lelaki sahaja khususnya para pemuda. Dalam persembahan sekarang wanita juga turut serta, bahkan ada pula kumpulan boria yang ahli-ahlinya terdiri daripada wanita sahaja. Satu lagi perbezaan yang nyata di antara boria dahulu dengan sekarang ialah bentuk pakaian para penarinya. Pada masa dahulu mereka memakai pakaian yang beranekaragam dengan tujuan untuk menimbulkan suasana jenaka. Pakaian tarian boria pada masa ini adalah seragam mengikut bentuk atau fesyen tertentu.

Alat muzik yang digunakan dalam tarian boria turut juga berubah daripada asalnya. Pada masa dahulu alat muzik yang digunakan hanya tiga jenis iaitu: *Maruas*, *tabla* dan *biola*. Kumpulan boria pada masa ini diiringi oleh suatu pasukan pancaragam, biasanya pancaragam kugiran.

2. WAYANG BANGSAWAN: Wayang bangsawan adalah sejenis seni lakon pentas yang terkenal di Malaysia dan di negeri-negeri yang berdekatan pada suatu masa dahulu. Ia dianggap sebagai salah satu bentuk kesenian lama Malaysia yang bermula di Pulau Pinang. Dari sinilah bangsawan berkembang ke negeri-negeri lain di rantau ini hingga menjadi suatu persembahan pentas yang paling terkenal dan digemari oleh masyarakat umur semua golongan.

Seni lakonan pentas ini berasal daripada wayang Parsi yang mengadakan persembahannya di Pulau Pinang. Oleh kerana seni lakon bangsawan ini mendapat sambutan masyarakat terutama sekali di kalangan orang-orang berketurunan 'bangsawan', maka ada pula di antara golongan itu mempelopori menjadi seri panggung yakni pelakon utama dalam persembahan wayang Parsi itu. Dari sinilah bermulanya nama wayang bangsawan itu wujud. Akhirnya nama itu kekal hingga pada masa ini.

Tokoh yang mula-mula mengadakan persembahan wayang Parsi di Pulau Pinang ini bernama Muhammad atau Mamak Parsi. Beliau mempunyai kumpulannya sendiri dan nama *wayang bangsawan* dipopularkan iaitu dengan menamakan



BAGSARA

kumpulannya *Pusi Indera Bangsawan of Penang*. Di samping itu ada pula nama lain yang digunakan bersama dengan wayang bangsawan ini iaitu dikenali sebagai *opera*. Nama *opera* digunakan oleh anak-anak bangsawan berdasarkan kemasukan pengaruh seni drama Barat ke dalam seni wayang bangsawan. Bolehlah dikatakan drama ciptaan Shakespear dan seni drama Itali telah mempengaruhi nama opera itu.

Pada masa dahulu, umumnya pementasan wayang bangsawan diadakan di taman-taman hiburan. Kumpulan-kumpulan bangsawan menyewa bangunan atau panggung khas yang telah sedia ada di sesuatu tempat. Di tempat-tempat yang tidak ada bangunan mereka mendirikan khemah berserta panggungnya sendiri. Jangka masa sesuatu kumpulan itu mengadakan persembahan di sesuatu tempat adalah bergantung kepada sambutan penonton setempat.

Cerita yang dilakonkan oleh wayang bangsawan tidak menggunakan skrip. Para pelakon diberi panduan tentang isi katabual masing-masing berdasarkan cerita yang dilakonkan. Di samping berlakon, pelakon-pelakon berkenaan akan menyanyi dengan menggunakan pantun atau syair yang berkaitan dengan cerita yang dilakonkan itu. Biasanya perasaan sedih, gembira, marah dan yang seumpamanya akan dilahirkan dalam nyanyian. Lagu-lagu yang mengiringi nyanyian adalah lagu-lagu berirama asli, seperti lagu *Siti Payung*, *Selendang Delima*, *Nasib Panjang* dan lain-lain. Oleh sebab itu setiap pelakon utama mesti boleh menyanyi dengan suara yang baik di samping boleh menuturkan dialog dengan lancar.

Oleh kerana pelakon-pelakon utama wayang bangsawan merupakan orang yang serba boleh, mereka dikagumi serta diminati oleh masyarakat penonton seperti juga dengan pelakon-pelakon filem pada masa ini. Gelaran yang diberi kepada pelakon-pelakon wayang bangsawan pada masa dahulu ialah *anak wayang*. Daripada wayang bangsawanlah seni lakon kita berkembang serta berubah kepada bentuk yang lebih moden seperti *sandiwara*, *tonel* dan yang seumpamanya.


Perbezaan antara wayang bangsawan dengan sandiwara pada asasnya ialah tentang cerita yang dibawanya. Wayang bangsawan membawa cerita-cerita lama seperti kisah atau sejarah raja-raja, orang-orang sakti, pahlawan-pahlawan zaman dahulu yang bercampur dengan unsur-unsur dongeng dan kepercayaan lama. Lakonan sandiwara pula membawa cerita-cerita yang bercorak moden seperti kisah-kisah yang berlaku dalam masyarakat dan yang seumpamanya.

Sebahagian daripada pelakon-pelakon filem Melayu di peringkat awal adalah terdiri daripada pelakon-pelakon bangsawan yang terkenal. Sebagai contoh pelakon Mahmud Jun, Mak Enon dan beberapa pelakon yang masih ada kini adalah berasal daripada pelakon wayang bangsawan.

Perkataan *bangsawan* adalah berasal daripada dua kalimat iaitu 'bangsa' dan 'wan'. Bangsa bermaksud kumpulan atau golongan, wan adalah gelaran untuk orang yang berketurunan raja. Jadi, perkataan '*bangsawan*' adalah cantuman daripada dua kalimat itu. dinamakan wayang bangsawan kerana beberapa tokoh daripada golongan itulah yang mulamula menceburkan diri sebagai seorang pelakon dan yang memperkenalkan wayang bangsawan kepada masyarakat pada masa dahulu.

3. SENI KRAFTANGAN: Di negeri ini terdapat juga hasil kraftangan yang diusahakan oleh penduduk tempatan sebagai suatu usaha kecil-kecilan. Di Kampung Sungai Rusa, Balik Pulau, terdapat sebuah Rumah Karyaneka yang dinamakan *Sri Rusa Handicraft*. Berbagai-bagai jenis barang kraftangan yang bermutu ada dijual di sini. Barang-barang yang dijual di tempat ini amat sesuai dijadikan perhiasan rumah atau cenderamata yang menarik.

Bahan-bahan tempatan yang digunakan untuk membuat barang-barang kraftangan ialah rotan, buluh dan daun mengkuang, termasuk juga lidi daripada daun kelapa. Lidi kelapa boleh dibuat penyapu rumah. Kerja membuat penyapu dari pada lidi itu amat mudah iaitu dengan membuang daunnya sahaja. Membuat lidi penyapu disebut sebagai meraut lidi.



Lekar Lidi

Lidi kelapa juga dibuat pencucuk sate. Sejenis barang kraf tangan yang menarik dibuat daripada lidi ialah lekar iaitu sejenis alat pengalas periuk, belanga atau kuali.


Barang-barang hasil kraftangan lain yang diusahakan orang di negeri ini ialah raga, bakul, topi, tudung saji, beg bimbit dan lain-lain lagi.

4. SUARA BURUNG: Di Kampung Cempedak, di Tasik Gelugur, Seberang Prai Utara terdapat perusahaan memelihara burung merbuk. Burung-burung merbuk diletakkan di dalam sangkar-sangkar yang menarik. Peminat-peminat burung dapat menyaksikan sendiri atau membeli pelbagai jenis burung yang mempunyai suara yang menarik.

Memelihara burung merbuk atau beberapa jenis yang lain terutamanya burung yang mempunyai suara yang menarik bukan sahaja menjadi kegemaran peminat-peminat burung di negeri ini bahkan digemari juga oleh peminat-peminat burung di seluruh dunia. Harga seekor burung merbuk yang dianggap baik mutu suaranya, ada yang mencapai angka 4,000 ringgit. Di samping menjual burung-burung yang telah besar, ada juga dipelihara untuk dibiakkan melalui telur-telur yang dititaskan oleh burung itu.

Penggemar-penggemar suara burung ada juga yang menubuhkan persatuannya yang dinamakan *Persatuan Seni Suara Merbuk*. Persatuan ini kerap juga mengadakan pertandingan suara merbuk di peringkat daerah, kawasan, negeri dan kebangsaan. Sekali-sekala diadakan juga pertandingan di peringkat antarabangsa. Di samping mendengarkan suara burung ada pula orang yang percaya kepada tuah yang ada pada burung-burung merbuk itu. Untuk menentukan tuah seseekor burung merbuk adalah berpandukan kepada sisik bulunya.

5. SEPAK RAGA: Permainan sepak raga ada dua jenis iaitu sepak raga bulatan dan sepak takraw. Nama asal bagi sepak takraw di negeri ini ialah sepak raga jaring. Permainan sepak raga bulatan lebih digemari oleh orang dewasa, sementara sepak ragag jaring atau sepak takraw digemari oleh para belia.



Burung Merbuk

Mengikut sejarah, permainan sepak raga jaring atau sepak takraw di Malaysia bermula di Pulau Pinang. Ia mula dimainkan di sekitar awal tahun 30-an, boleh jadi dalam tahun 1935. Pada masa itu gelanggang yang digunakan ialah gelanggang badminton dan permainan ini pada masa itu belum ada undang-undang dan peraturan yang lengkap seperti sekarang ini. Perubahan nama sepak raga jaring kepada sepak takraw adalah kerana untuk menyelaraskan nama permainan ini dengan beberapa buah negara di Tenggara Asia.

6. SENI GHAZAL: Permainan ghazal di utara Semenanjung bermula di Pulau Pinang iaitu di daerah Kepala Batas. Bentuk cara persembahan pancaragam ghazal di sini berbeza dengan ghazal di Johor. Sesuai dengan bentuk dan cara persembahannya, pancaragam ghazal di negeri ini dikenali dengan nama *Ghazal Parti*.

Pancaragam Ghazal Pulau Pinang dan juga di negeri Kedah menggunakan alat-alat muzik yang terdiri daripada biola, gitar, akordion, serunai, marakas dan termasuk juga gitar elektrik. Lagu-lagu yang didendangkan adalah lagu-lagu Melayu, Arab dan Hindustan. Biasanya setiap kumpulan ghazal mempunyai seorang atau lebih penyanyi dan penari pondan.

7. DONDANG SAYANG DAN KERONCONG: Di negeri ini terdapat juga segolongan kecil yang meminati lagu-lagu dondang syang dan lagu-lagu kerongcong. Antara golongan peminat dondang sayang ialah masyarakat Baba dan Nyonya yang dikenali sebagai Cina Peranakan. Mereka mengadakan permainan dondang sayang dalam upacara kebudayaan dan agama mereka. Ketika mengadakan permainan dondang sayang biasanya wanita mereka yang dikenali sebagai Nyonya Peranakan memakai pakaian tradisi Melayu iaitu berbaju kurung atau kebaya dan bersarung batik.

Di bidang muzik Malaysia di Pulau Pinang pernah ditubuhkan kumpulan pancaragam lagu-lagu kerongcong. Antara kumpulan pancaragam yang terkenal di negeri ini ialah Pasukan Kerongcong Mutiara Timur. Negeri-negeri lain di Malaysia yang pernah mempunyai kumpulan pancaragam



Ghazal

lagu-lagu kercong ialah Selangor, Melaka dan daerah Batu Pahat, Johor. Antara peminat setia lagu-lagu kercong di Pulau Pinang adalah golongan masyarakat Baba juga

8. TARIAN SINGA: Seni tarian tradisi masyarakat Cina ini terdapat di beberapa buah negeri di Malaysia. Di Pulau Pinang tarian ini lebih kerap dipersembahkan dalam perayaan-perayaan tertentu. Golongan yang mempersembahkan tarian ini adalah belia-belia yang berpakaian seragam.

Alat terpenting dalam tarian ini ialah patung yang berbentuk menyerupai kepala singa serta kain panjang yang dijadikan sebagai badan singa. Dua orang penari mengambil peranan utama menggayakan rentak dan irama tarian ini, seorang di bahagian kepala dan seorang lagi di bahagian belakang. Kaki penari-penari dibentuk menyerupai kaki singa. Biasanya di hari-hari Tahun Baru China tarian ini dipersembahkan di perkarangan rumah yang mereka kunjungi.

9. TARIAN NAGA: Tarian ini hampir serupa dengan tarian singa tetapi para penarinya lebih ramai bilangannya. Dalam kepercayaan masyarakat Cina di negara kita ini tarian naga dipersembahkan dengan tujuan memohon tuah. Sebagai suatu tarian yang berunsurkan agama atau kepercayaan, ia ditarikan pada hari-hari perayaan Tahun Baru China dan hari-hari perayaan utama dalam masyarakat Cina.

Patung naga yang menjadi alat utama dalam tarian ini diperbuat daripada buluh dan dibalut pula dengan kain. Di bahagian kepala hingga ke ekor kain itu dilukis seperti sisik naga. Tarian ini diketuai oleh seorang penari yang membawa sebatang kayu di depan naga. Jumlah penari yang mengambil bahagian adalah bergantung kepada saiz naga yang digunakan dalam tarian itu.

10. OPERA CINA: Opera cina terdapat juga dalam masyarakat Cina di tempat-tempat lain di Malaysia. Ia merupakan suatu jenis pementasan atau drama pentas dalam budaya tradisi masyarakat Cina. Seni opera ini merupakan suatu persembahan yang berunsurkan kepercayaan agama masyarakat Cina. Ia dipentaskan apabila diadakan upacara



Tanrı Naga



Tarian Singa

memuja atau menyembah dewa. Pentas tempat persembahan opera ini biasanya menghadap ke arah berhala atau patung dewa-dewa.

Para pelakon opera Cina ada persamaannya dengan teater atau wayang bangsawan dalam kesenian Melayu lama. Mereka memakai pakaian yang berwarna-warni serta bersolek mengikut watak dan peranan yang dilakukan. Muzik iringannya adalah muzik yang menggunakan alat-alat tradisi kesenian Cina. pada setiap kali persembahan diadakan orang ramai berminat menyaksikannya.

11. SENI MASAKAN: Di Pulau Pinang terkenal beberapa jenis makanan yang digemari ramai. Antaranya yang amat terkenal ialah *nasi kandar*, *laksa Pulau Pinang* dan *buah pala*.

*Nasi kandar* adalah nasi biasa tetapi mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Ada orang yang menyatakan sebab ia dinamakan nasi kandar adalah bahawa pada masa mulanya orang yang menjual nasi itu membawanya ke tempat jualan dengan menggunakan kandar. Bagaimanapun faktor utama yang menjadikan nasi ini terkenal adalah kerana rasanya sedap. Di samping rasanya enak, baunya segar dan membuka selera. Nasi ini sedap kerana terasa lemak sebab ia dimasak dengan minyak kelapa jantan, minyak sapi, garam, bunga cengkih, bunga bawang, daun pandan dan buah taria. Lauknya adalah beberapa jenis ikan, udang, daging dan telur.

Kerana keistimewaan rasanya menjadikan nasi kandar menarik minat ramai untuk memakannya. Orang yang tahu tentang nasi ini tidak akan melepaskan peluang memakannya apabila berkunjung ke negeri ini. Bagi penduduk Pulau Pinang nasi kandar merupakan makanan istimewa terutama untuk sarapan pagi. Pelancong dari luar negeri juga berminat untuk merasa nasi ini. Oleh kerana nasi kandar laris jualannya, ada orang yang menjualnya hampir 24 jam sehari, mereka bertugas secara bergilir-gilir.

Pada masa dahulu nasi kandar dijual di tempat yang tertentu sahaja. Kini ia dijual di merata-rata tempat di negeri ini iaitu digera-i-gerai atau di kedai-kedai makan, bahkan ada juga restoran di hotel tertentu yang menyediakan nasi kandar.

Orang yang memulakan menjual nasi kandar adalah kaum India Muslim yang dikenali dengan panggilan Mamak. Anehnya golongan lain yang menjual nasi ini tidak dapat menandingi keenakan rasa nasi kandar yang dijual oleh golongan Mamak. Peniaga-peniaga nasi kandar memperkenalkan perniagaannya dengan memakai nama masing-masing seperti *Kasim Nasi Kandar*, *Ibrahim Nasi Kandar* dan sebagainya.

*Laksa Pulau Pinang* adalah sejenis makanan yang diperbuat daripada mi yang dipanggil laksa. Perbezaannya dengan laksa di negeri-negeri lain di Malaysia adalah pada masakan kuahnya. Laksa Pulau Pinang menggunakan kuah cair iaitu jenis masakan yang dikenal sebagai masakan asam rebus. Bahan lauk yang dijadikan kuah adalah ikan. Selain daripada Pulau Pinang terdapat juga laksa yang dinamakan mengikut negeri tempat laksa itu dibuat. Antaranya yang terkenal ialah *laksa Johor* dan *laksa Kedah*.


**12. PESTA PULAU PINANG:** Pesta ini merupakan suatu acara tahunan yang paling meriah dan utama dalam kegiatan kebudayaan dan ekonomi negeri Pulau Pinang. Ia bertujuan untuk memperkenalkan kemajuan Pulau Pinang dalam segala bidang termasuk ciri-ciri budaya yang terdapat di negeri ini. Pesta besar ini diadakan setiap tahun di sepanjang bulan Disember.

Berbagai-bagai acara kebudayaan yang diadakan dalam pesta ini. Antara acara yang menarik perhatian ramai ialah persembahan pelbagai jenis kesenian tempatan, sukan laut, perarakan cingge, tarian singa dan tarian-tarian tradisi rakyat yang lainnya. Puncak perayaan dalam pesta ini ialah peraduan Ratu Pesta Pulau Pinang. Acara-acara yang dipersembahkan di sepanjang pesta ini diatur dengan rapi bagi memberi peluang kepada para pengunjung menyaksikan setiap acara yang diadakan.

Dalam acara sukan laut, yang paling menarik ialah perlumbaan perahu atau bot naga iaitu sejenis bot yang dibentuk serta dihias seperti seekor naga. Setiap bot boleh dimuatkan seramai 10 hingga 15 orang pendayung. Biasanya setiap kumpulan pendayung memakai pakaian seragam dan mereka menggunakan sepenuh tenaga untuk mencapai kemenangan di dalam perlumbaan itu.

Satu lagi acara yang menarik perhatian ramai untuk menyaksikannya ialah permainan cingge. Permainan ini dilakukan secara berkumpulan yang mewakili persatuan atau kelab-kelab masyarakat Cina. Seni permainan cingge memperlihatkan kepintaran seseorang menggunakan anggota tubuh badan. Para pemain cuba mengimbangi suatu benda tinggi yang dibawa di atas bahu atau diletakkan di atas tapak tangan atau dijunjung di atas kepala.

*Lumba Perahu*



---

## *VI. Kesan-Kesan Sejarah*

---

Kesan-kesan sejarah yang terdapat di negeri ini hampir seluruhnya melambangkan bekas-bekas tinggalan penjajahan Inggeris yang menguasai sepenuhnya negeri ini selama kira-kira 171 tahun. Bahkan hingga kini kesan-kesan penjajahan Inggeris itu masih wujud dalam pelbagai bentuk.

1. PATUNG KAPTEN LIGHT: Ia merupakan lambang kekuasaan penjajahan Inggeris di Pulau Pinang pada masa lampau, sama seperti patung Raffles di Pulau Singapura. Patung ini didirikan sebagai tanda ingatan orang yang membuka Pulau Pinang hingga menjadi sebuah negeri pada tahun 1786. Mendiang Kapten Light telah berusaha serta bekerja dengan gigih untuk mendapatkan pulau ini daripada sultan Kedah. Beliaulah yang membuka serta membina bandar yang pertama di negeri ini dan menamakannya bandar Georgetown.

Francis Light dilahirkan pada 15 September 1740 di jajahan Sufolk, England. Pada tahun 1760 Light mula bekerja sebagai pegawai rendah dalam sebuah kapal bernama H.M.S. Arregant. Tahun 1765 beliau telah belayar menuju Culcutta, India, kemudian dapat menjadi kapten sebuah kapal Inggeris yang kerap mengadakan pelayaran ke beberapa buah negeri di sebelah Timur, termasuk Semenanjung Tanah Melayu.

Tahun 1771 Light menjadi wakil pihak perdagangan Inggeris bermniaga di Kedah dan dapat berkenalan dengan sultan Kedah. Bagaimanapun permintaannya untuk membangunkan loji perniagaan di Kedah tidak berhasil. Tahun 1782 beliau datang sekali lagi ke negeri Kedah dan berusaha mendapatkan Pulau Pinang daripada sultan. Usahanya itu berhasil dan pada tahun 1786 sultan Kedah membernarkan Kapten Light membuka Pulau Pinang dan kompeni Inggeris melantiknya menjadi ketua. Beliau meninggal dunia di Pulau Pinang pada 21 Disember 1794.

Mendiang Francis Light meninggalkan beberapa orang anak iaitu Sarah Light, William Light, Mary Light dan Lukey Light. Anaknya William Light telah menjadi seorang pegawai penting di negeri Inggeris dan terlibat dalam peperangan mengalahkan Napoleon di medan Perang Waterloo pada tahun 1815. Beliau juga yang membuka Adelaide Australia Selatan.

2. GEORGETOWN: Bandar ini dibuka oleh Kapten Light pada bulan Julai 1786. Pada 11 Ogos 1786 diadakan istiadat menaikkan bendera *Union Jack* serta memberi nama bandar ini Georgetown iaitu mengambil sempena nama King George III yang memerintah England pada masa itu. Serentak dengan itu nama Pulau Pinang diberi nama baru iaitu *Pulau Prince of Wales*.

Bagi masyarakat pulau ini dan orang-orang di utara Semenanjung memanggil bandar ini dengan nama *Tanjung* kerana bandar ini terletak di suatu tempat yang pada masa dahulu sudah sedia dikenali dengan nama Tanjung. Ada juga orang yang menyebutnya Tanjung Penegeri. Di sinilah tempat angkatan Kapten Francis Light mula-mula berlabuh ketika mendarat di Pulau Pinang untuk membuka pulau ini menjadi negeri.

3. KOTA CORNWALLIS: Kota ini dipercayai sebagai bekas tapak atau tempat yang mula-mula sekali Kapten Light mendirikan rumah tempat kediamannya ketika ia sampai di Pulau Pinang. Kota bersejarah ini dibina dalam tahun 1800

dan siap pada tahun 1810. Kerja pembinaannya dilakukan oleh para banduan.

Nama kota ini diambil daripada nama Lord Cornwallis iaitu seorang gabenor jeneral Inggeris di India pada masa dahulu. Bangunannya telah diperbaiki daripada asalnya oleh Robert Farquhar yang menjadi Gabenor Pulau Pinang. Kota ini digunakan sebagai benteng atau kubu pertahanan. Sejak tahun 1886 kota ini tidak lagi dikawal oleh askar kerana ia difikirkan tidak berkesan dan tidak dapat melindungi negeri ini daripada serangan musuh.

4. PROVINCE WELLESLEY: Nama bagi daerah Seberang Prai ini adalah mengambil sempena nama seorang Inggeris iaitu Ather Wellesley yang kemudiannya bergelar *Duke od Wellington*. Beliau adalah panglima Inggeris yang mengalahkan Napoleon dalam tahun 1815. Penyerahan Seberang Prai kepada kompeni Inggeris oleh sultan Kedah ditandatangani pada 6 Jun 1800. Isi perjanjian itu dibuat oleh Sir George Leith sebagai Naib Gabenor Pulau Pinang pada masa itu.

5. NAMA-NAMA JALAN: Nama jalan di sekitar bandaraya Georgetown banyak menggunakan nama pegawai-pegawai Inggeris termasuk orang-orang ternama bangsa Inggeris di zaman penjajahan dahulu. Nama-nama itu merupakan kesan-kesan sejarah yang masih kekal digunakan di negeri ini.

*Lebuh Farquhar* diambil daripda nama Farquhar iaitu salah seorang pegawai Kompeni Inggeris Hindia Timur yang pernah menjadi Naib Gabenor Pulau Pinang. Nama penuhnya Robert Farquhar. *Jalan Mac Alister* mengambil nama Golonel Mac Alister yang pernah menjadi Gabenor Pulau Pinang pada tahun 1807.

6. KENANGAN SEJARAH:*Allahyarham P.Ramlee* Seniman pujaan Nusantara merupakan salah seorang tokoh negara Malaysia yang berasal dari Pulau Pinang. Beliau dilahirkan di Pulau Mutiara Timur ini pada 21 Mac 1928 dan harus dikenang sebagai kebanggan sejarah negeri ini.

Kota Cornwallis



Semasa hayatnya P.Ramlee merupakan seorang seniman serba boleh. Allahyarham adalah seorang pelakon, pengarah, penyanyi, pencipta dan penggubah lagu yang terkemuka di rantau Nusantara. Peminat-peminatnya bukan sahaja di Malaysia malah menjangkau ke seluruh Nusantara. Watak dan suaranya bukan sahaja digemari oleh orang Melayu bahkan disukai juga oleh orang-orang bukan Melayu.

Bakat P.Ramlee adalah bakat semula jadi dan ia berkembang melalui pengalaman serta penglibatannya dalam bidang seni di sepanjang hayatnya. Beliau tidak meniru tetapi ditiru. Suaranya cuba dituru dan lagunya diminati malah sering meniti di bibir para peminatnya, dinyanyikan serta dihafal senikatanya untuk didendangkan. Antara lagu-lagunya yang menjadi kegemaran ramai sehingga kini ialah lagu Azizah, Joget Pahang, Ibu, Puteri Bunian, Hamidah, Getaran Jiwa, Bila Larut Malam, Juitaku Sayang, Di Manakan Kucari Ganti.

Di antara filem yang dilakon atau diarahkan oleh beliau ialah Penarik Beca, Anakku Sazali, Semerah Padi, Madu Tiga, Hang Tuah, Antara Dua Darjat, Takdir Ilahi, Bujang Lapok, Nujum Pak Belalang, Musang Berjanggut, Ibu Mertuaku dan banyak lagi. Allahyarham boleh berlakon dalam pelbagai watak seperti sedih, gembira, jenaka dan sebagainya.

Perkaraan *Pawagam* iaitu singkatan daripada panggung wayang gambar adalah ciptaan Allahyarham P.Ramlee. Nama Pawagam kekal hingga kini. Serangkai kata yang sering diucapkan oleh beliau yang merupakan kata-kata hikmatnya ialah "*Hidup hanya sekali, sekali hidup, hiduplah!*". Sebaris daripada suatu lirik sebuah lagunya yang sering menjadi sebutan orang berbunyi, "*Tiada kata, secantik bahasa!*".



Allahyarham P. Ramlee  
(Ikhsan Arkib Negara Malaysia)

Sesungguhnya Allahyarham P.Ramlee adalah seniman Malaysia yang istimewa. Suaranya lunak, bergetar dan mempesona. Lakonannya meninggalkan kesan kepada masyarakat penonton. Peribadinya periang dan suka berjenaka. Namanya sebagai seniman menjadi pujaan ramai hingga menjadi setengah legenda. Nama asalnya ialah Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Puteh, kemudian ditukar kepada Ramlee bin Puteh. Bagaimanapun namanya yang kekal abdai ialah sebagai P.Ramlee. Mula berlakon filem dalam tahun 1948 dan meninggal dunia pada 29 Mei 1973.

## **RUJUKAN**

1. Buyong Adil. *Sejarah Alam Melayu Penggal IV*, 1952.
2. *Malaysia Buku Rasmi Tahunan*, 1986.
3. A. Latif Bakar. *Warisan Sastera Pulau Pinang: GAPENA*, 1985.
4. P. Ramlee A.M.N. *Pujaan Nusantara*, 1973.
5. *Buku Kecil Bangsawan*: KKBS, 1980.
6. *Tarian-tarian Malaysia*: KKBS, 1981.
7. *Dewan Budaya*: DBP.
8. Risalah PPM.

Rakaman terima kasih kepada KAMARIAH MD. ALI kerana sumbangan dan kerjasamanya bagi menjayakan penulisan buku ini.